

# selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 3 - 9 OKTOBER 2024

www.selangorkini.my

## Bantu pendidikan kanak-kanak GISBH

Selangor tubuh pasukan khas terdiri Jabatan Agama Islam Selangor dan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk bimbing dan pastikan mereka terima pendidikan seterusnya mulakan kehidupan baharu

**MUKA 5**

### Tingkat kawalan kawasan berisiko banjir

Pihak berkuasa tempatan di negeri ini bersiap siaga gerakan anggota dan kelengkapan aset selain memperbaiki atau menaik taraf saluran sedia ada berikutan peralihan monsun yang dijadual berterusan hingga November

**MUKA 4**



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menziarahi kanak-kanak yang diselamatkan dari premis GISB Holdings (GISBH) di sebuah pusat perlindungan di Selangor pada 30 September 2024. Foto RADIN WAZIR ► BERITA MUKA 5

## pancawarna

### Tindakan ketenteraan luas kuasa Zionis



Enggan berdamai, PM Israel cetus perang demi membina negara Yahudi tunggal

**9**

### Foto peluk jenazah jantik emosi, sentuh jiwa



Wanita Palestin meratapi kematian anak saudara papar sisi gelap peperangan

**11**

### Kitab Taurat diubah guru agama Yahudi



Orang Yahudi beragama secara taklid dan bukan berakal, menolak Nabi Muhammad

**16**

## Sembah dapatan GISBH kepada Sultan

**SHAH ALAM** - Keputusan mesyuarat khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor berkaitan amalan GISB Holdings (GISBH) akan disembah maklum kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada 3 Oktober.

EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah memberitahu Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bakal memberi perkenan terhadap hasil penelitian tersebut sebelum sebarang keputusan dijadikan fatwa.

"Keputusan sudah dibuat dalam mesyuarat dan kita akan bawa menghadap kepada Sultan Selangor sebelum diwarta," katanya pada 2 Oktober.

Sebelum ini, Mufti Selangor Dato' Setia Prof Madya Dr Anhar Opir berkata pihaknya mengkaji dan menilai semua bahan bukti diterima daripada polis dan Jabatan Agama Islam Selangor selain keterangan individu terlibat.

Pada 21 September, Sultan Selangor menitahkan jawatankuasa fatwa negeri supaya membuat penelitian seterusnya memutuskan persoalan sama ada amalan GISBH menyeleweng atau bercanggah ajaran Islam sebenar.

## Belanjawan tumpu teknologi AI

**KLANG** - Belanjawan Selangor 2025 yang akan dibentangkan pertengahan November depan bakal memberi tumpuan kepada teknologi kecerdasan buatan (AI), kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau juga menjelaskan penambahbaikan program kebajikan melalui Iltizam Selangor Penyayang (ISP) turut diberi keutamaan demi menjamin kebajikan segenap lapisan rakyat di negeri ini secara berterusan.

"Dalam merancang belanjawan tahun depan, Selangor beri penumpuan kepada AI dan pada masa sama cuba menambah baik program-program bawah ISP yang bilangannya lebih 40 insentif.

"Ini bagi memastikan rakyat terus mendapat pembelaan, kebajikan dan pengukuhan ekonomi," katanya lagi.

IMBAS DI SINI  
akhbar digital minggu lepas



# Dukacita kezaliman pada kanak-kanak

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj sekali lagi menzahirkan rasa dukacita terhadap penderaan dan pengabaian kanak-kanak yang dikaitkan dengan GISB Holdings (GISBH).

Baginda turut mempersoal perlakuan tersebut yang menggambarkan seolah-olah pihak GISBH tidak memahami bahawa kanak-kanak mempunyai hak yang perlu dihormati dan disantuni, lapor Bernama.

Titah Baginda, kanak-kanak ada hak untuk hidup dan tinggal dalam

suasana aman dan selamat serta jauh daripada pelakuan jenayah yang jijik seperti pencabulan, liwat, penderaan, kahwin dan cerai secara paksa, buruh paksa, pemisahan anak-anak dari ibu bapa, malah dipaksa mengaku sebagai anak yatim.

"Penderaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak yang disyaki terjadi amat mendukacitakan. Kenapa pihak GISBH melakukannya?"

"Sekiranya benar siasatan menjurus kepada kesalahan-kesalahan jenayah seperti yang dinyatakan tadi, tindakan

pihak GISBH ini amat tidak wajar.

"Mereka bukan sahaja tidak memelihara kanak-kanak dengan baik, malah melakukan kezaliman seperti menyekat hak pendidikan kanak-kanak tersebut untuk mendapat pendidikan arus perdana," titah Baginda.

Sultan Sharafuddin bertitah Baginda sependapat dengan intipati khutbah Jumaat pada 27 September bertajuk Kenapa GISBH Buat Begini Kepada Kanak-Kanak yang disampaikan di masjid-masjid seluruh negeri.

## Percaya Abuya tidak mati, di alam ghaib

# Amalan GISBH bercanggah Islam

**SHAH ALAM** - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mendapati amalan GISB Holdings (GISBH) bercanggah dengan fatwa yang dikuat kuasa sebelum ini termasuk mempercayai pengasas al-Arqam Ashaari Mohammad atau Abuya tidak mati sebaliknya berada di alam ghaib.

Pengarahnya, Dato' Mohd Shahzihan Ahmad memberitahu hasil siasatan terhadap 108 individu yang ditahan Jais baru-baru ini menunjukkan GISBH turut mempercayai beberapa perkara berkaitan pimpinan mereka iaitu:

- mayat Abuya terapung kerana Allah angkat Abuya
- Rasulullah SAW atau Abuya hadir dalam majlis tertentu
- pemimpin boleh beri keberkatan kepada ahli untuk masuk syurga

• mengamal Aurad Muhammadiyah  
Pada 1993, Aurad Muhammadiyah yang menjadi pegangan al-Arqam diwarta sesat. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada 2006 juga memutuskan sebuah syarikat yang mahu menghidupkan pergerakan itu membawa fahaman al-Arqam.

Mohd Shahzihan berkata kesalahan jenayah syariah lain meliputi isu akidah, pungutan khairat dan perkahwinan termasuk tiada dokumen sah atau tanpa kebenaran pendaftar serta berpoligami tanpa kebenaran mahkamah.

"Siasatan juga mendapati bahawa perkahwinan dan perceraian diatur oleh pemimpin kumpulan dan dijalankan akad perkahwinan dengan cara ditentukan oleh pemimpin," katanya dalam kenyataan pada 2 Oktober.

Beliau menjelaskan situasi itu menimbulkan kecelaruan penentuan nasab, status perkahwinan dan dokumentasi perkahwinan ibu bapa sekali gus memberi kesan terhadap kanak-kanak yang diselamatkan apabila dewasa kelak.

"Tidak mustahil keadaan ini berpotensi besar akan menjejaskan penentuan nasab dan memungkinkan berlakunya pernikahan yang fasid atau wati'syubhah," katanya yang mengakui lebih banyak tangkapan akan dibuat lagi.

Katanya, Jais bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pendaftaran Negara serta agensi lain untuk mengenal pasti salasilah keluarga sebahagian besar 435 kanak-kanak yang diselamatkan dalam Op Global.

## Pantau ajaran difatwa sesat

**SHAH ALAM** - Selangor memantau penyebaran mana-mana ajaran yang bertentangan dengan Islam terutama yang telah difatwa sesat demi memastikan fahaman sedemikian tidak dihidupkan semula.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pihak berkuasa agama negeri meneliti setiap laporan dan mengeluarkan fatwa sesat jika terbukti

sesuatu gerakan atau pertubuhan tidak mengamalkan ajaran Islam sebenar.

Menjelaskan negeri sentiasa memantau ajaran sesat, beliau memberitahu pergerakan GISB Holdings (GISBH) sukar dikesan kerana berselindung melalui kegiatan perniagaan manakala kanak-kanak dipelihara pengikutnya.

"Ingin saya ingatkan pada 2013, Jabatan Agama Islam Selangor meneri-

ma pengisytiharan taubat Ummu Jah bersama pengikutnya. Namun, wujud masyarakat tertentu amalkan ajaran sesat di Country Homes dan Masjid Cahaya Iman.

"Hal ini orang salah faham dan mengatakan tiada tindakan diambil. Bagaimanapun, kita ambil tindakan dan memantaunya," katanya lagi pada 30 September.

## Sektor teknologi tarik pelabur

**KLANG** - Kemasukan pelaburan berteraskan teknologi dan inovasi ke Selangor menandakan keyakinan pemain industri terhadap potensi pembangunan negeri dalam memperkasa sektor berkenaan, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata pihaknya berbangga dengan perkembangan itu termasuk pembukaan pusat

digital dan data Google di Pusat Perniagaan Elmina, Sungai Buloh sekali gus menyokong industri teknologi masa depan.

Menyatakan pelaburan itu membuka 26,500 peluang kerja baharu, beliau berkata negeri yakin program itu mendorong pertumbuhan inovasi dalam kalangan belia selain mewujudkan le-

bih banyak peluang kerja berteknologi tinggi.

"Kita turut menganjur pelbagai program melibatkan pelajar sekolah rendah, menengah dan universiti setiapa tahun dengan kerjasama universiti negeri iaitu Universiti Selangor dan Universiti Islam Selangor," katanya pada 26 September.






**EKSKLUSIF UNTUK PENJAWAT AWAM**

**HOTLINK POSTPAID 5G**

# MILIKI TELEFON PINTAR 5G **PERCUMA SEKARANG!**



-  **INTERNET 5G TANPA HAD**
-  **DATA PERAYUAN PERCUMA**
-  **KELAJUAN DATA 5G BERGANDA TANPA BATAS**

Untuk maklumat lanjut,  
imbas di sini:



## RM59 juta laksana inisiatif kesihatan

**HULU LANGAT** - Kerajaan Negeri berbelanja kira-kira RM59 juta bagi menjayakan inisiatif kesihatan awam pada tahun ini bagi menjaga kualiti kehidupan segenap lapisan rakyat.

EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin memberitahu program Iltizam Selangor Sihat (ISS) bertujuan membantu orang ramai memperoleh rawatan asas dan vaksin bernilai RM500 bagi kategori keluarga manakala individu (RM250).

"Pentadbiran negeri juga menyediakan subsidi sebanyak RM70. Jika dapatkan rawatan di klinik, ia melibatkan kos RM90 (tetapi) melalui inisiatif ini, hanya perlu membayar RM20.

"Keutamaan adalah pencegahan kesihatan selain rawatan. Jadi, kita sediakan inisiatif saringan kesihatan percuma melalui Selangor Saring," katanya dalam Karnival Kesihatan Madani di Semenyih pada 29 September.

Beliau juga menjelaskan bayaran pemeriksaan untuk barah, kencing manis dan kolestrol boleh mencecah hingga RM3,000 sedangkan khidmat saringan di Selangor percuma dan hanya perlu hadir ke lokasi program.

## Anjur kursus bahasa Mandarin

**SHAH ALAM** - Kursus bahasa Mandarin dan bengkel membuat resume antara program anjuran Penggerak Belia Selangor (PeBS) Majlis Perbandaran Ampang Jaya pada tahun ini.

Ruben Raj, 31, berkata kursus selama lapan minggu diikuti bengkel hujung tahun ini sebagai persediaan anak muda mencari kerja awal tahun depan.

"Ini penggal kedua saya dilantik. Jadi, saya gunakan pengalaman lepas untuk anjur program bermanfaat dan beri faedah kepada belia.

"Dalam masa sama, saya akan menghebahkan inisiatif kebajikan negeri supaya lebih ramai tahu. Ini langkah memastikan kebajikan penduduk terjaga," katanya.

Ahli PeBS Sabak Bernam Ainaatul Nadrah Azman yang pertama kali dilantik berkata beliau akan menggunakan media sosial sebagai medium mendekati golongan muda.

"Kami akan anjur banyak program santai dengan belia. Antaranya senamrobik selain bekerjasama dengan pihak lain menjayakan aktiviti berfaedah," katanya.

## Baik pulih jalan di Pelabuhan Klang

**KLANG** - Kerajaan akan meluluskan peruntukan untuk memperbaiki laluan sedia ada sepanjang Pelabuhan Klang, seiring usaha mengembang parasarana di pelabuhan utama negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan juga akan menyokong pembangunan di kawasan sekitar bagi memastikan Pelabuhan Klang khususnya Pelabuhan Barat (Westports) menduduki lima tangga teratas dunia.

"Sekarang Pelabuhan Barat berada di tangga 11, mengapa tidak keempat atau kelima? Banyak saya dengar terutama berkaitan jalan raya tetapi ia mengambil masa (baiki).

"Saya setuju untuk luluskan peruntukan baiki jalan sedia ada. Kita tumpukan Pelabuhan Klang dahulu untuk periksa keluasan dan kos terlebih dahulu," katanya pada 27 September.

Beliau menghdiri majlis ramah mesra bersama komuniti Pelabuhan Barat dan Pelabuhan Klang serta maj-

lis pecah tanah, diiringi Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Anwar yang juga menteri kewangan menambah Putrajaya sentiasa aktif mencari peluang pelaburan baharu untuk meningkatkan ekonomi melalui perdagangan antarabangsa antaranya di Rusia dan China.

"Selain pelaburan tingkat ekonomi dengan sahabat lama, kita cari peluang dengan rakan baharu. Ini cara kita mencari jalan supaya dapat buka pasaran baharu," katanya.

### 30 peratus dipulangkan

# Tawar kadar sewa lebih murah

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

**SHAH ALAM** - Skim Smart Sewa yang diperkenalkan Kerajaan Negeri sejak 2017 mendapat sambutan ramai berikutan penawaran sewa kediaman jauh lebih murah berbanding pasaran luar.



Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor Dato' TPr Dr Juhari Ahmad memaklumkan kadar tersebut dianggarkan 10 hingga 15 peratus lebih rendah berbanding kediaman lain.

"Penyewaan skim ini bertujuan membantu golongan yang gagal mendapat pembiayaan bank membi- na simpanan perumahan iaitu mereka

akan memperoleh pulangan 30 peratus pada penghujung tempoh sewaan.

"Kadar sewaan di bawah skim ini antara RM450 hingga RM800 dan sejak diperkenalkan 852 keluarga telah mendapat manfaat," katanya dalam Dialog Belanjawan Selangor di Pusat Konvensyen Setia City di sini baru-baru ini.

Beliau juga menjelaskan permintaan rumah mampu milik di Selangor terus mendapat permintaan tinggi dengan 146,987 permohonan dan hampir 50 peratus daripadanya di daerah Petaling.

Ahli Majlis Kebangsaan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia Datuk Tan Hon Lim pula berkata formula baharu perlu disediakan da-

lam pembinaan rumah mampu milik demi manfaat kepada penduduk di negeri ini.

"Kita cadangkan satu tabung atau wujud yayasan yang mengumpulkan beberapa pemaju. Menerusi tabung ini, mereka boleh membina perumahan mampu milik di lokasi yang mempunyai permintaan tinggi.

"Ini sekali gus memastikan setiap unit didiami dan mengelak berdepan risiko projek terbengkalai," katanya.

Skim Smart Sewa memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki kediaman sendiri dalam tempoh sewaan maksimum lima tahun.

Sebanyak 30 peratus jumlah sewaan bersih yang dibayar dipulangkan semula apabila mereka tidak lagi tinggal di unit berkenaan.

## PBT tingkat kawalan kawasan berisiko

**KLANG** - Semua pihak berkuasa tempatan (PBT) bersedia menggerakkan anggota dan kelengkapan aset ke kawasan berisiko banjir berikutan peralihan monsun yang dijangka berterusan hingga awal November.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu parameter ketika banjir besar pada 2021 menjadi panduan kepada pentadbiran negeri untuk memastikan setiap tindakan berjalan

lancar dan pantas.

"Setakat ini masih terkawal tetapi kita memperkemas pengaliran dan saluran. Pastikan langkah kawalan seperti membaiki atau menaik taraf saluran terutama waktu kemuncak pada November atau Disember," katanya pada 26 September.

Beliau juga menjelaskan taburan hujan tinggi sekitar 119 milimeter (mm) antara punca berlaku banjir di Jalan

Kebun dan Kota Kemuning pada 25 September.

"Kalau kadar hujan bawah 100mm masih lagi selamat cuma berlaku kesesakan (trafik) dan banjir kilat sekitar sejam dua jam," katanya.

Amirudin menambah premis yang menjadi pusat pemindahan sementara sebelum ini akan didaftarkan semula bagi menempatkan mangsa banjir jika perlu.

WAKTU SOLAT	3-9 OKTOBER 2024	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
03 Khamis		5:43	5:53	6:58	1:05	4:16	7:06	8:15	5:43	5:53	6:59	1:06	4:16	7:07	8:16	5:45	5:55	7:00	1:07	4:19	7:08	8:17
04 Jumaat		5:42	5:52	6:58	1:05	4:17	7:06	8:15	5:43	5:53	6:59	1:05	4:17	7:07	8:15	5:45	5:55	7:00	1:07	4:19	7:08	8:17
05 Sabtu		5:42	5:52	6:58	1:04	4:17	7:05	8:14	5:43	5:53	6:59	1:05	4:17	7:06	8:15	5:45	5:55	7:00	1:07	4:19	7:08	8:17
06 Ahad		5:42	5:52	6:58	1:04	4:17	7:05	8:14	5:42	5:52	6:59	1:05	4:17	7:06	8:15	5:44	5:54	6:59	1:06	4:19	7:07	8:16
07 Isnin		5:42	5:52	6:57	1:04	4:17	7:05	8:14	5:42	5:52	6:58	1:04	4:17	7:05	8:14	5:44	5:54	6:59	1:06	4:19	7:07	8:16
08 Selasa		5:42	5:52	6:57	1:04	4:17	7:04	8:13	5:42	5:52	6:58	1:04	4:17	7:05	8:14	5:44	5:54	6:59	1:06	4:19	7:06	8:16
09 Rabu		5:41	5:51	6:57	1:03	4:17	7:04	8:13	5:42	5:52	6:58	1:04	4:17	7:05	8:14	5:44	5:54	6:59	1:06	4:20	7:06	8:15



**SOKONG...** Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Ahmad Azri Zainal Nor (baris dua, tengah) bersama penerima selepas majlis penyampaian sijil kepada sekolah-sekolah bagi program pengenalan dron di Auditorium Mranti Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada 30 September. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

## Titik berat nilai kesederhanaan

**SHAH ALAM** - Warga pendidik khususnya guru bawah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) diseru menitik berat nilai wasatiyyah atau kesederhanaan dalam menyampaikan ilmu, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu penerapan nilai sedemikian dalam pengajaran berupaya membantu anak-anak supaya tidak mudah terperdaya dengan elemen melampau atau ekstrem.

"Harus diingat melampaui batas bukan sahaja dalam konteks hubungan antara kaum tetapi juga dalam beragama. Peringatan ini penting supaya anak-anak boleh menepis dan buat pertimbangan sewajarnya dalam membuat keputusan.

"Malah, saya berharap dengan pengajaran wacana ini warga pendidik dapat bertukar pendapat, kelak dapat melahirkan generasi yang mempunyai masa depan yang kental," katanya.

Beliau merasmikan Seminar Wasatiyyah dan Membendung Ekstremisme anjuran Asatizah Selangor dan Bahagian Pendidikan Islam (BPI) Jais di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 30 September.

## Tutup premis GISBH

# Pasukan khas pulih kanak-kanak

Oleh **SOFIA NASIR DAN FITRI HAZIM HAZAM**

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor mengarahkan semua premis termasuk rumah perlindungan dan sekolah agama di negeri ini yang ada kaitan GISB Holdings (GISBH) ditutup serta-merta.

Menjelaskan bilangan keseluruhan premis tersebut akan diumumkan pada 3 Oktober, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari juga memberitahu seluruh aset syarikat berkenaan juga akan dirampas.

"Itu memang tindakan segera yang sedang dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Selangor dan polis. Kalau ada lagi maklumat, kita akan pergi (serbu dan tutup)," katanya dalam satu program di Cyberjaya pada 28 September.

Selain itu, menurut Amirudin, pasukan khas ditubuh bagi membantu kanak-kanak yang diselamatkan daripada premis jagaan GISBH.

Beliau memberitahu unit itu merangkumi Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi membimbing kanak-kanak yang ditempatkan di pusat perlindungan sementara di seluruh negeri.

"Demi menangani, mengawal serta membantu memulihkan anak-anak ini,

kita akan bantu pastikan mereka kembali dalam aliran utama iaitu pendidikan sebenar, pekerjaan dan tidak lagi hidup dalam kepompong," katanya.

Beliau menziarahi sebuah pusat perlindungan pada 30 September yang menempatkan kanak-kanak yang diselamatkan dalam operasi khas Op Global pada 10 September dan mendengar taklimat berkaitan situasi mereka.

Amirudin juga menjelaskan pentadbiran negeri akan menyediakan asatizah, sukarelawan dan perkhidmatan kesihatan menerusi pelan jangka pendek yang bermula dalam tempoh terdekat bagi membantu kanak-kanak tersebut.

"Usaha ini perlu dibuat menyeluruh dengan semua pihak. Sebab itu, unit bertindak ini penting untuk kita lihat satu persatu, kewarganegaraan mereka, emosi, akidah, minat dan pandangan mereka terhadap dunia," katanya.

Amirudin memaklumkan Kerajaan Negeri bersimpati terhadap nasib anak-anak pengikut GISBH dan sedia membantu mereka memulakan kehidupan baharu sekali gus membina masa depan lebih baik.

Beliau menunggu laporan penuh siasatan yang akan dibentang Jais meliputi bilangan keseluruhan premis yang dikaitkan dengan GISBH.

SIAP DENGAN C.C.C

**Blok A Habis Dijual**

**856.78 KPS / KEPADATAN RENDAH**

**LOT BUMI DISKAUN 7%**

**KEHIDUPAN ALAM SEMULAJADI DI KEHIDUPAN BANDAR**

Imperial Hatamas yang terdiri daripada 312 unit kondominium di dalam 2 blok, diselubungi kehijauan alam semulajadi yang menyegarkan, menyediakan ketenangan dan gaya hidup dalam persekitaran semulajadi.

- TEMPAT TUMPUAN ALAM SEMULAJADI
- KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SEDIA ADA
- SELAMAT & TERJAMIN

PEJABAT: **JIWA MEWAH SDN BHD** (74544U)  
8<sup>TH</sup> FLOOR, WISMA BH  
361 JALAN PUDU, 55100 KUALA LUMPUR

PEJABAT PUDU: **9226 3666**  
**HATA.COM.MY**

WAKTU PEJABAT: **8.30PG. - 5.30PTG.**  
(ISNIN SAMPAI JUMAAT)

## Tambah dana penggerak belia

**SHAH ALAM** - Peruntukan untuk setiap zon Penggerak Belia Selangor (PeBS) ditambah kepada RM10,000 bagi menjayakan program bermanfaat, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menjelaskan kadar kenaikan tersebut sekali ganda berbanding RM5,000 pada masa ini yang akan dimuktamad dalam pembentangan Belanjawan Selangor pada November bagi memperkasa peranan PeBS.

"Akan umum ketika belanjawan nanti sebab kena lihat kewangan negeri. Kalau tidak naik sehingga jumlah itu, mungkin bermula dari RM7,000 tapi kita cuba beri RM10,000," katanya pada 28 September.

Katanya semua ahli perlu bekerjasama dengan pihak berkuasa termpat, ahli majlis, penyelarasan DUN dan wakil rakyat.

## Ekspo niaga sasar jualan RM2 juta

**SHAH ALAM** - Ekspo Usahawan Selangor (SELBIZ 2024) anjuran Perbadanan Kema-juan Negeri Selangor (PKNS) mulai 4 hingga 6 Oktober menyasarkan transaksi jualan bernilai RM2 juta.

Pengurus Pembangunan Usahawan PKNS Yuzawati Yusof yakin sasaran itu boleh dicapai hasil penglibatan lebih 200 pempamer dari pelbagai industri yang dijangka menarik 45,000 pengunjung.

"Kita menasarakan meraih transaksi jualan RM2 juta dengan kekuatan vendor dan pempamer yang ada termasuk dari Indonesia," katanya dalam program bual bicara Hai Selangor baru-baru ini.

Bertema Melangkah Lebih Jauh, beliau juga yakin program di Pusat Konvensyen Setia City itu dapat meluaskan lagi pasaran perniagaan usahawan seterusnya menyumbang kepada ekonomi negeri.

## Anuar Hamzah CEO baharu PWS

**SHAH ALAM** - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) mengumumkan pelantikan Anuar Hamzah Tohar sebagai ketua pegawai eksekutif (CEO) agensi itu, berkuat kuasa 1 Oktober.

Menerusi kenyataan, PWS memaklumkan pelantikan mantan timbalan CEO agensi terbabit mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj baru-baru ini.

"Keupayaan serta kepakaran Anuar Hamzah hampir 27 tahun berkhidmat dalam institusi hal ehwal Islam di Selangor menjadi sandaran utama dalam memacu kejayaan PWS ke arah yang lebih baik.

"Hubungan baik beliau bersama agensi kerajaan serta swasta memberi nilai tambah bagi menjalinkan hubungan sinergi dua hala dalam memastikan institusi wakaf di Selangor diperkasakan," kata agensi itu pada 1 Oktober.

## Kesan ramai ada kolestrol tinggi

**HULU LANGAT** - Kadar gula dan kolestrol yang tinggi antara gejala paling banyak dikesan dalam Selangor Saring, sebuah program pemeriksaan kesihatan percuma anjuran Kerajaan Negeri.

Menurut EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin, penyakit kencing manis turut kerap dihidapi rakyat, kesan gaya hidup yang tidak menjaga aspek pemakanan harian.

"Penyakit yang paling banyak dikesan berkaitan dengan gaya hidup seperti kencing manis yang kerap dihad-

api rakyat Malaysia memandangkan kita mempunyai pelbagai makanan sedap.

"Keputusan saringan akan dihantar melalui aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) untuk peserta jalani pemeriksaan susulan di klinik panel berhampiran," katanya di Semenyih di sini pada 29 September.

Giat mempromosi program tersebut bagi memastikan lebih ramai rakyat menerima manfaat, beliau menjelaskan lebih 30 Dewan Undangan Negeri (DUN) menganjurkan saringan kesih-

tan percuma yang memanfaatkan ribuan peserta.

"Kerajaan Negeri mahu meningkatkan jumlah saringan dengan memberi ruang kepada ketua kampung dan ahli majlis untuk berhubung dengan pejabat saya.

"Mereka juga boleh anjurkan, tidak perlu tunggu pusat khidmat DUN. Syaratnya perlu penyertaan lebih 100 peserta. Negeri menanti untuk kemuka tarikh cadangan bagi laksana program di kawasan masing-masing," katanya.

## Mudahkan masyarakat cari sumber bacaan

# Bilangan pustaka negeri bertambah

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**SHAH ALAM** - Bilangan perpustakaan bawah kendalian Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) bertambah kepada 105 termasuk lapan pustaka bergerak setakat ini berbanding 86 buah pada 2008.

Pengarahnya Datin Paduka Mastura Muhammad memberitahu kemudahan sama bakal dibangunkan di dua projek perumahan rakyat bagi memudahkan penduduk mendapat sumber bacaan.

"Pada 2008, negeri ada 86 perpustakaan meningkat kepada 105. Semua perpustakaan ini dilengkapi pelbagai

kemudahan demi memastikan kelesaan pengunjung.

"Terbaharu, kita sediakan perkhidmatan transit percuma yang dapat membantu ibu bapa bekerja sekali gus menjadi rumah kedua anak-anak," katanya pada 27 September.

Beliau menjelaskan PPAS sentiasa menganjurkan pelbagai program bagi menarik orang ramai ke perpustakaan sekali gus memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat.

Katanya, Pustaka Tun Raja Uda di Seksyen 13 di sini sentiasa menjadi pilihan ramai dengan kehadiran lebih sembilan juta pengunjung sejak dibu-



ka pada Julai 2011.

Meski memasuki era teknologi moden, jelasnya perpustakaan tetap menjadi pilihan utama memandangkan sumbernya sahih dan diyakini.

Pada 26 September, media melaporkan sebanyak 348

perpustakaan ditutup dalam tempoh lima tahun, menjadikannya 2,654 setakat tahun lalu berbanding 3,002 pada 2019.

Penutupan kemudahan berkenaan disebabkan perubahan pentadbiran, pemusatan perpustakaan, penyatuan perpustakaan kecil selain faktor peralihan dunia ke arah pendigitalan.

## Tumpu isu bencana, alam sekitar

**SHAH ALAM** - Belanjawan Selangor 2025 yang dijadual dibentangkan pertengahan November depan perlu mengambil kira isu bencana sebagai salah satu tumpuan utama demi keselamatan rakyat.

Penyelidik Lembah Klang Raya Selangor Dr Shamsaini Shamsudin berkata pentadbiran negeri perlu mempe- rontok tabung kecemasan, selain dana khusus untuk hebahan bagi mendidik masyarakat.

"Kini kita boleh dikatakan dalam keadaan boleh ditimpa bencana pada

bila-bila masa, oleh itu kita perlu bersedia daripada sekarang sebelum terlambat.

"Perkara ini cukup kritikal, jadi kita perlu ada program membabitkan masyarakat untuk sedar akan perlunya persiapan awal," katanya dalam sesi dialog Belanjawan Selangor 2025 di sini baru-baru ini.

Sementara itu, ahli majlis Majlis Perbandaran Selayang mencadangkan Selangor membuat hebahan kepada orang ramai berhubung projek sisa ke-

pada tenaga (WTE) yang akan dibangunkan di Rawang.

Menurut U Chin Ong, penjelasan itu perlu berikutan pembinaan dua loji WTE atau insinerator di kawasan berkenaan mendapat bantahan lebih 4,000 penduduk kerana didakwa berisiko.

"Kemungkinan ini adalah informasi yang kita perlu sampaikan kepada masyarakat agar mereka tahu kebaikan WTE untuk jangka masa panjang terutama kawasan tapak pelupusan sampah semakin terhad.

## Masa menunggu kurang 30 minit

**KLANG** - Sistem e-tanah yang dijalankan sejak Oktober tahun lalu memendekkan tempoh menunggu di Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Klang sehingga 92 peratus atau kurang 30 minit.

Pegawai Daerahnya Amri Ismail menjelaskan pihaknya juga satu-sa-

tunya PDT di Selangor yang mengurangkan jumlah kaunter perkhidmatan kepada 15 berbanding 24 sebelum ini.

"Pengurangan kaunter itu bukan bermaksud kita mengurangkan perkhidmatan tetapi ia merupakan hasil pelaksanaan sistem e-tanah

yang turut membantu kita mengoptimum tenaga kerja.

"Sebelum ini juga ada pengunjung yang terpaksa menunggu lama sehingga sehari suntuk. Tetapi urusan sistem e-tanah kini hanya mengambil masa tidak sampai 30 minit sahaja," katanya.



**TEKUN...** Ulama Pattani Baba Ismail Sepanjang Al-Fathoni menyampaikan syarahannya dalam Siri Talaqqi Kitab Ihya Ulumuddin & Mawaqif al-Marjan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 1 Oktober. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN ► BERITA MUKA 8

## Giat bangunkan sembilan projek

**SEPANG** - Pembinaan lebih 10,000 unit Rumah Idaman melibatkan sembilan projek dijangka siap berperingkat pada tahun depan, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu sebanyak 3,400 unit di Tropicana Kajang dan Bandar Saujana Putra telah siap dan sedia untuk diserahkan kepada pembeli.

"Pembinaan kebanyakan di kawasan Bandar Elmina, Kwasa Damansara dan Bukit Beruntung. Sementara itu, 2,000 unit di Tropicana Kajang dan Bandar Saujana Putra (1,400) siap sepenuhnya.

"Kebanyakan projek lain dalam proses menunggu kelulusan pembinaan dan kebenaran merancang. Ia untuk memenuhi sasaran 60,000 unit Rumah Idaman menjelang 2027," katanya pada 28 September.

Amirudin juga memaklumkan pentadbiran negeri menyasar 3,000 unit rumah mampu milik bawah Skim Smart Sewa menjelang 2026, bagi membantu rakyat memiliki kediaman pertama.

Beliau berkata Kerajaan Negeri akan mendapat rumah kontra percuma daripada pemaju di setiap projek antara 15 peratus hingga 30 peratus unit menerusi inisiatif berkenaan yang akan dijadikan Smart Sewa Selangor.

## Peluang miliki kediaman pertama

# Dua projek sedia 1,360 rumah

OLEH FITRI HAZIM HAZAM

**SEPANG** - Selangor membangunkan dua lagi projek Rumah Idaman membabitkan 1,360 unit pangsapuri di sini yang dijangka siap pada 2027.

Dato' Menteri Besar berkata Rumah Saujana Idaman membabitkan 858 unit dan Rumah Putra Idaman (502) dilengkapi tiga bilik tidur, dua bilik mandi dan dua petak parkir bermula daripada RM250,000 seunit.

Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan projek bernilai RM125.5 juta itu dibangunkan Oriental Interest Berhad (OIB) dengan kerjasama Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) melalui anak syarikatnya PNSB Construction Sdn Bhd.

"Dua projek Rumah Idaman ini menyediakan rumah mampu milik di kawasan Sepang, Dengkil dan Putrajaya selain membantu golongan berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40) miliki rumah pertama.

"Syarat utama pembelian antaranya pendapatan isi rumah RM10,000 dan



ke bawah," katanya di Galeri Jualan Myra Cove pada 28 September.

Ketua Pegawai Eksekutif PNSB Raja Ahmad Shahrir Iskandar Raja Salim menyatakan OIB menyerahkan 39 unit kontra kepada Kerajaan Negeri untuk pelaksanaan Skim Smart Sewa melalui pembinaan dua projek tersebut.

"Ia akan diuruskan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor melibatkan 26 unit Putra Idaman dan 13 unit Saujana Idaman," katanya.

Ketua Sumber Manusia & Kemajuan OIB Akil Hassan Kalimullah juga memaklumkan reka bentuk projek menampilkan gaya hidup moden dan menawarkan pilihan menarik buat mereka mencari persekitaran kediaman yang

selamat. "Putra Idaman dan Saujana Idaman terletak dalam komuniti berpagar dan dikawal. "Ia mudah diakses rangkaian lebuh raya seperti Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE) dan Lebuhraya Klang Selatan (SKVE)," katanya.



Terokai alam serba mempesonakan di The Peak, Damansara Heights.

SEBUAH USAHASAMA ANTARABANGSA



Hubungi Kami

017 266 1188

Pemaju: Damansara Peak Sdn Bhd (1356425-P) • Alamat Pemaju: C-34-01, Menara Vista Petaling, No.137, Jalan Puchong, 58200 Kuala Lumpur, Malaysia • Tel:+603 2095 6868 • Lesen Pemaju: 20151/08-2028/1079(R) (Validity Period: 19/08/2023 - 18/08/2028) • Tempoh Hakmilik Tanah: Hakmilik Kekal • Jangkaan Tarikh Penyiapan Projek: Dec 2025 • Pihak Berkuasa Meluluskan: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (No. Rujukan: BP T2 OSC 2019 1745) • Permit Jualan & Pengiklanan: 20151-1/08-2025/0586(R)-(S) (Tempoh Sah: 19/08/2024 - 19/08/2025) • Bebanan Tanah: TIADA • Jumlah Unit: 54 unit • Harga Jualan (RM): RM6,578,000.00 (Min); RM9,933,000.00 (Maks.) • Jenis Projek: Kondominium

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

## Siasat cemar buih di Sungai Kuang

**SHAH ALAM** - Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) giat menjalankan siasatan terhadap pihak disyaki terlibat dalam pencemaran air berbuih di alur Sungai Kuang pada 23 September, kata EXCO Alam Sekitar Jamaliah Jamaluddin.

Beliau juga memberi jaminan tindakan tegas akan dikenakan terhadap mana-mana pihak yang mencemar sumber air mengikut peruntukan undang-undang membabitkan semua agensi berkaitan.

"Sebanyak 45 tangki 'Intermediate Bulk Container' (IBC) disyaki mengandungi kandungan bahan sabun pencuci pelbagai guna dan juga pencuci lantai menjadi punca air berbuih di alur Sungai Kuang.

"Tangki itu pecah dan bocor. Kandungan bahan dalam tangki melimpah ke longkang bersebelahan dewan serba guna dan masuk ke Sungai Kuang, akhirnya masuk ke Sungai Selangor," katanya dalam kenyataan pada 26 September.

## Teroka potensi pasaran luar negara

**SHAH ALAM** - Seramai 20 usahawan Selangor terpilih menyertai ekspo perdagangan China-ASEAN Expo (CAEXPO) 2024 di Nanning, China pada 24 hingga 28 September.

EXCO Keusahawanan Najwan Halimi berkata peserta berpeluang memperkenal produk perniagaan mereka di negara itu sekali gus meneroka potensi pasaran dan eksport serantau.

Katanya, CAEXPO merupakan salah satu ekspo perdagangan terbesar di China dan platform efektif yang memfokuskan perdagangan, pelaburan dan pelancongan.

"Seramai 20 usahawan berpotensi dipilih menyertai ekspo ini dengan dukungan sepenuhnya oleh Jawatankuasa Tetap Keusahawanan Negeri Selangor dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor," katanya menerusi Facebook baru-baru ini.

## Bantu usahawan luas perniagaan

**SHAH ALAM** - Mana-mana usahawan di negeri ini yang memerlukan modal untuk mengembangkan lagi perniagaan dipelawa memohon skim pembiayaan i-Bisnes.

Menurut Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor), pihaknya menawarkan pembiayaan sehingga RM50,000 untuk pembelian aset dan pengubahsuaian premis perniagaan.

Peniaga disaran melayari pautan hijrahselangor.com untuk memperoleh maklumat lanjut atau membuat imbasan kod QR poster untuk membuat permohonan.

Pada 11 September, Ketua Pegawai Eksekutif Hijrah Selangor Dato' Mearia Hamzah berkata pihaknya meluluskan 90,475 pembiayaan sejak 2015 hingga Ogos lalu.

## Gesa perhimpunan agung khas

**KUALA LUMPUR** - Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) lima negeri menggesa Perhimpunan Agung Tahunan (PAT) Khas diadakan bagi memilih ahli majlis tertinggi sekali gus mematuhi arahan Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY).

Menurut Pengerusi GPMS Selangor Mohd Hidayat Mohd Sauffi, notis gesaan yang ditangani pihaknya bersama Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang dan Perlis bagi mengelak sebarang bentuk implikasi terhadap persatuan berkenaan.

"Kami berpendirian arahan ROY untuk mengadakan pemilihan dalam tempoh 30 hari bersifat mengikat dan perlu diikuti.

"Kami ambil ketetapan guna hak

dalam perlembagaan untuk menandatangani notis menggesa PAT Khas bagi tujuan pelaksanaan pemilihan sebagai mematuhi arahan ROY untuk mengelakkan sebarang bentuk implikasi.

"Ke arah menyatakan penegasan itu, dalam masa 30 hari (PAT) ini perlu dilaksanakan setelah notis yang kami aktifkan," katanya dalam sidang media khas di sini pada 28 September.

Mohd Hidayat juga menegaskan tidak wajar untuk mengingkari arahan ROY hanya kerana kekhilafan dan sikap pihak tertentu yang mahu kekal meneraju GPMS lebih lama.

"Sejak 1940-an bergerak tiba-tiba mahu dibatalkan pendaftaran hanya kerana kita mahu kekal lama? Saya rasa

secara sihat tidak wajar tafsirkan sedemikian.

"Pemilihan bukan bererti berlaku pertukaran kepimpinan tapi demokrasi berlaku. Hak demokrasi hak perwakilan biarlah mereka tentukan sebagai pemegang amanah besar tanggungjawab itu," katanya.

Menjelaskan notis tersebut perlu dijawab dalam tempoh 14 hari berdasarkan perlembagaan, beliau memberitahu gabungan lima negeri itu sedia membantu sekiranya diperlukan demi melaksanakan PAT dan pemilihan.

Sebelum ini, ROY memutuskan supaya GPMS mengadakan pemilihan dalam tempoh 30 hari bermula 23 September. Namun, Presiden GPMS Muhd Fazreen Ismadi menegaskan pihaknya mahu mengadakan pemilihan tersebut pada tahun depan.

## Ratusan hadir majlis talaqqi

# Kupasan kitab mudah difahami

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

**SHAH ALAM** - Majlis Talaqqi Kitab Turath Islami selama tiga hari di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sejak 1 Oktober bagi mengupas kitab Ihya Ulumuddin dan Mawaqif al-Marjan mendapat sambutan orang ramai.

Dalam program kesinambungan Festival Turath Islami Selangor pada Mei dan Jun, tokoh ulama Pattani Baba Ismail Sepanjang al-Fathoni menghurai kandungan naskhah karangan Imam al-Ghazali dan tulisannya sendiri.

Ratusan orang mengikuti sesi antara jam 9 hingga 11 pagi dan 9 hing-

ga 11 malam kendalian Inisiatif Buku Darul Ehsan dengan kerjasama Media Selangor Sdn Bhd, Akademi Pemikiran Turath, pejabat Dato' Menteri Besar dan masjid negeri.

Peserta Mohd Fadzil Ramli, 54, yang mengikuti kuliah ulama berkenaan sejak 2022 menyifatkan corak penyampaiannya mudah difahami oleh orang kebanyakan sekali gus berpeluang menambah pengetahuan agama.

"Pengurusan masjid juga ada buat secara siaran langsung melalui media sosial. Ini beri ruang kepada orang ramai khususnya pekerja yang tidak berkecukupan untuk belajar ilmu," katanya.

Bagi Azzeeruf Hamzah, 34, pula tidak mahu melepaskan peluang menghadiri kuliah tersebut untuk mendalami ilmu agama selepas mendapat makluman mengenai program berkenaan dari rakannya.

"Program ini bagus untuk anak muda seperti saya untuk mendalami ilmu dengan lebih mendalam. Rasa seronok kerana penyampaian Baba Ismail sangat bersahaja membuatkan saya lebih mudah faham," katanya.

Selangor menganjurkan Festival Turath Islami Selangor kali kedua antara 26 Mei hingga 2 Jun. Bekas Mufti Besar Mesir Syeikh Professor Dr Ali Jum'ah antara ulama tersohor dunia yang mengupas Kitab Hadis 40 Imam Nawawi.

## Bersama jaga alam sekitar, kebersihan

**KLANG** - Kira-kira 50 individu menyertai program Earth Warriors Day anjuran pusat pemborong terbesar di Malaysia, GM Klang sempena Hari Cuci Malaysia.

Pengurus Kanan Komunikasi Jenama GM Klang Norsuhaida Othman memberitahu peserta terdiri daripada pengurusan GM Klang, pemborong dan komuniti setempat mengutip sampah sekitar pusat borong itu.

"Program dengan kerjasama Persatuan Pahlawan Bumi bertujuan memupuk kesedaran kepentingan menjaga alam sekitar dengan peserta berjalan

lebih satu kilometer sekitar GM Klang selama satu jam untuk mengutip sampah.

"Setiap tahun kita adakan program tanggungjawab sosial korporat tetapi kali ini tertumpu kepada alam sekitar kerana mahu memupuk pentingnya penjagaan alam sekitar," katanya pada 28 September.


Program Earth Warriors Day antara inisiatif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu acara mega pembersihan seluruh negara yang berlangsung serentak pada 28 September.

Turut hadir Pengarah Kumpulan GM Foo Loke Ping dan Ahli Majlis Bandaraya Diraja Klang Saribanon Saibon.

Saribanon juga menyifatkan inisiatif GM Klang wajar dipuji kerana syarikat berkenaan turut mementingkan penjagaan alam sekitar di samping menjalankan perniagaan.

"Kita sentiasa beri kerjasama dalam program-program pembersihan supaya masyarakat ambil berat kebersihan kawasan sekitar selain tidak hanya bergantung pada agensi tertentu sahaja.





# Peluasan kuasa Israel

Israel tidak pernah berniat untuk berdamai, malah perdana menteri ingin terus mengukuhkan negara haram itu. Benjamin Netanyahu mengungkit, serangan Hamas pada 7 Oktober 2023 itu gara-gara perjanjian damai Oslo pada 1995.

Perjanjian dengan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) membolehkan warga yang terusir di tanah air mereka mentadbir sendiri Gaza dan Tebing Barat.

Netanyahu menggunakan serangan pejuang Palestin tahun lalu sebagai langkah menyelamatkan politiknya, yang didakwa korup dan berdepan kes mahkamah, dengan melebarkan penguasaannya di dua wilayah itu dan juga negara jiran.

Serangan yang bertubi-tubi di Gaza, Tebing Barat dan kini Lubnan jelas menunjukkan pembantaian Israel tidak akan menemui jalan damai dalam waktu terdekat.

Tanpa mempeduli rumah ibadah, kem pelarian, hospital dan sekolah, tentera rejim itu melebarkan serangan dari utara Gaza hingga ke selatannya Rafah.

Selepas menguasai semenanjung tirus itu dalam sejarah perang yang paling banyak mengorbankan nyawa, Netanyahu bergerak ke Tebing Barat sebelum tenteranya masuk ke

selatan Lubnan.

Gaza tidak besar, kawasannya sepanjang Dataran Merdeka ke Pelabuhan Klang sahaja dengan lebar enam kilometer (di utara) hingga 12 kilometer (selatan) tetapi penduduknya 2.3 juta. Wilayah ini disifatkan paling padat di dunia.

Di sini, seramai 41,615 orang terbunuh sejak 7 Oktober 2023. Seramai 16,500 daripada korban ini kanak-kanak. Menurut Al Jazeera, hingga 30 September, seramai 96,359 lagi cedera dan lebih 10,000 hilang, kemungkinan bawah runtuhan bangunan. Di Israel, hanya 1,139 maut dan 8,730 cedera.

Walau Israel masuk dari utara Gaza atas alasan mencari 200 tebusan perang pada awal Oktober 2023, dan meminta warga Palestin berpindah ke selatan, tetapi akhirnya tiada tempat yang selamat untuk mereka.

Kawasan tengah Khan Younis dan selatan Rafah turut dibedil sehingga November lalu. Dua wilayah itu terus dibom antara Mei hingga Julai tahun ini. Kawasan pinggir pantai al-Mawasi yang berdekatan dua bandar itu turut diserang antara Julai hingga bulan lalu.

Selepas itu, satu demi satu serangan Israel tidak dapat dibendung lagi. Tentera rejim meningkatkan operasi di Tebing Barat pula.

Sejak Oktober 2023, sekurang-kurangnya 700 terkorban, seramai 5,700 cedera di wilayah ini.

Tokoh utama Hamas, Ismail Haniyeh, dibunuh pada 31 Oktober di Tehran. Beberapa komander gerakan itu seperti Muhammad Deif dan Saleh al-Arouri turut terbunuh sepanjang pembantaian setahun lalu.

Ismail dibunuh menjelang usaha damai yang diusahakannya, menepati hasrat Netanyahu yang mahu menggagalkannya. "Ibu segala kejahatan [Palestin] ini adalah [Perjanjian] Oslo," katanya pada awal Disember lalu.

Di perhimpunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 27 September, Netanyahu enggan berganjak lagi. Tanpa berlembang, sejam kemudian, Israel menghalakan semua kekuatan ke negara jiran utaranya Lubnan.

Seperti janji Netanyahu, Israel mahu melumpuhkan Hizbullah yang dipimpin ulama berani Hassan Nasrallah. Dalam serangan ini, tokoh Hizbullah itu terkorban. Lebih 700 maut, 90,000 penduduk melarikan diri dari selatan Lubnan.

Kira-kira 650 serangan dibuat bagi melumpuhkan 1,600 sasaran Hizbullah, lapor Al Jazeera. Semua ini dimulakan dengan serangan bom pada sistem komunikasi, alat kelui dan walkie-talkie, pada 17 dan 18 September. ▶

Susulan itu kereta kebal Israel masuk ke Lubnan serentak dengan serangan terhadap sekutu Hizbullah di Yaman dan Syria. Sekutu utamanya Iran membalas kematian itu dengan serangan hampir 200 peluru berpandu pada 1 Oktober.

Tanggal 7 Oktober 2023 akan dikenang sebagai titik paling malang Palestin yang sudah menderita puluhan tahun sejak berdirinya Israel pada hujung 1940-an melalui dukungan kuasa-kuasa penjajah Barat.

Sejarah perit Palestin, umat Islam dan Timur Tengah diringkaskan seperti berikut:

**1897** Kongres pertama gerakan Zionis di Basel, Switzerland pada 29 Ogos. Ia memutuskan perjuangan “mendirikan sebuah negara untuk kaum Yahudi di Palestin dengan perlindungan undang-undang”.

Setelah pengasasnya Theodor Herzl gagal dapatkan autonomi tanah daripada sultan Uthmaniyah, gerakan ini meraih sokongan Britain. Pada 1903, kuasa penjajah ini mencadangkan tanah seluas 15,500 km persegi di Uganda kepada Zionis tetapi ditolak.

**1917** Setiausaha Luar Britain Arthur Balfour berjanji serahkan tanah Palestin kepada pendatang Yahudi pro-Zionis dalam surat pendeknya bertarikh 2 November.

Warkah ini hanya 67 perkataan tetapi membawa malapetaka besar kepada Palestin hingga ke saat ini.

Kerajaan Uthmaniyah tewas di tangan Britian dalam Perang Jerusalem selama enam minggu bermula 17 November.

Sewaktu Jeneral Edmund Allenby melangkah masuk pada 11 Disember, beliau dilapor berkata “kemenangan tentera Salib kini sudah lengkap.” Britain kuasai penuh Palestin setahun kemudian.

**1922** Britain mula mentadbir Palestin bawah mandat Liga Bangsa-Bangsa (badan lama sebelum PBB) sehingga 1948.

Menurut rekod rasmi Britain, hampir 380,000 pendatang Yahudi masuk ke Palestin mulai tahun ini hingga 1946.

**1935** Ulama dan pejuang terkenal Izzuddin al-Qassam terbunuh, mendorong penentangan lebih bersemangat terhadap kuasa asing dan kumpulan Zionis. Briged al-Qassam, sayap pejuang Gerakan Penentangan Islam ( Hamas ), diberi nama sempena tokoh ini.

**1936** Penentangan umat Islam Arab diteruskan lagi dan dipertingkat mulai 19 April tetapi berjaya ditundukkan 26 Ogos tiga tahun kemudian dalam peristiwa



Foto Reuters

### Netanyahu mahu Israel tanpa negara Palestin ketika berucap di perhimpunan agung ke-78 PBB di New York pada 22 September 2023

Pemberontakan Besar Arab.

**1947** PBB, terbentuk pada 1 Ogos 1946 daripada negara kuasa besar yang menang Perang Dunia Kedua, buat keputusan pecahkan Palestin kepada negara Yahudi dan negara Arab dalam Resolusi 181. Waktu ini 67 peratus penduduk, atau 1.2 juta orang, masih lagi warga Arab yang menguasai 94 peratus tanah.

**1948** Britain melepaskan mandat, Israel isytihar kemerdekaan pada 15 Mei yang mendorong negara jiran Arab melancarkan perang.

Tanggal ini digelar Nakbah, atau malapetaka besar, yang dikenang seluruh warga Palestin setiap tahun.

Seramai 15,000 penduduk Palestin terkorban dan 750,000 dihalau ke negara-negara jiran. Enam juta keturunan mereka ini berada di 58 kem pelarian yang daif.

**1950-an (hujung)** Fatah, asalnya Gerakan Kebangsaan Pembebasan Palestin, ditubuhkan. Ia menjadi kumpulan terbesar dalam Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) dan sekarang membentuk parti yang menguasai Tebing Barat.

**1964** Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) ditubuhkan pada 2 Jun sebagai gabungan semua gerakan penentangan terhadap penguasaan Israel.

Banyak perjanjian dengan kuasa Barat dan pertubuhan didunia dibuat melalui PLO yang diiktiraf sebagai wakil penduduk Palestin.

**1967** Israel berjaya menguasai timur Jerusalem, Gaza, Tebing Barat, Bukit Golan (milik Syria) dan Sinai (Mesir) dalam Perang Enam Hari pada 5 Jun. Peristiwa duka akibat tewasnya negara-negara Arab ini disebut Naqsr atau kemunduran.

Pada 22 November, Majlis Keselamatan PBB sebulat suara meluluskan resolusi 242 yang

mendesak Israel menyerahkan semula wilayah yang dirampasnya dalam “konflik terkini” dan menghormati semua kedaulatan negara yang bertelagah.

Selain keputusan PBB pada 1947, resolusi ini sering dianggap sebagai asas penyelesaian dua negara dalam beberapa rundingan damai. Namun semua cadangan ini belum berjaya.

**1973** Perang tercetus lagi antara negara-negara Arab dan Israel selama lebih dua minggu mulai 6 Oktober di Bukit Golan, Sinai dan Suez.

**1978** Perjanjian kem David pada 1 September antara Mesir dengan Israel.

**1979** Israel keluar dari Sinai selepas termeterai perjanjian damai dua negara ini. Sekali gus, Mesir menjadi negara Arab pertama mengiktiraf negara Israel. Hubungan diplomasi dan dagang berjalan.

**1987** Intifadah, atau kebangkitan, pertama dilancarkan pada 1 Disember bagi menentang kependudukan Israel di Gaza dan Tebing Barat.

Imej pemuda Palestin membaling batu ke arah kereta kebal menjadi simbol utama penentangan ini yang korbannya kira-kira 1,300 pejuang dan 200 Israel.

Sebagai cabang gerakan Ikhwanul Muslimin, Hamas ditubuhkan oleh Syeikh Ahmad Yassin untuk membebaskan Palestin daripada penaklukan Israel.

**1993** Perjanjian sulit di Oslo, Norway antara Israel dengan PLO pada 13 September bagi membenarkan penubuhan Pihak Berkuasa Palestin di Gaza dan Tebing Barat. Intifadah pertama berakhir.

**1995** Susulan perjanjian ini, pada 28 September, Tebing Barat dibahagi kepada tiga jenis: Kawasan C 60 peratus dikuasai Israel, B (22 peratus)

ditadbir bersama dan A (18 peratus) dikawal Palestin.

**2000** Intifadah kedua digerakkan pada 28 September sebagai membantah lawatan bekas jeneral Ariel Sharon ke Haram al-Sharif. Warga Palestin curiga lawatan ini sebahagian menguasai tempat suci umat Islam tersebut.

**2002** Israel mula mendirikan tembok pemisah tinggi di Tebing Barat pada 23 Jun bagi menjamin keselamatannya. Tembok ini memisahkan kawasan tradisi termasuk Jerusalem dan banyak keluarga Palestin. Projek membina pagar elektrik dan tembok konkrit di sempadan Gaza bermula sejak 1995.

**2004** apabila tokoh utama PLO Yasser Arafat meninggal dunia pada 11 November, Intifadah berakhir. Setahun kemudian, 9,000 pendatang Israel dibubar dan tenteranya berundur dari Gaza.

**2006** Hamas menang pilihan raya pada 25 Januari bagi melantik anggota majlis perundangan Pihak Berkuasa Palestin. Gerakan ini menang 74 daripada 132 kerusi, manakala Fatah meraih 45 kerusi.

Namun, kemenangan ini bertukar konflik baharu apabila tentera Israel menyusup ke Gaza dan melancarkan serangan tengah malam 28 Jun. Esoknya, negara itu menahan lapan menteri Hamas dan 26 anggota majlis perundangan di Tebing Barat.

Sehingga Ogos, Israel menahan 49 pegawai kanan Hamas, semuanya dari Tebing Barat, termasuk 33 anggota parlimen dengan alasan gerakan itu “pengganas”.

**2007** Walau Hamas menang besar, Fatah berperang dengan gerakan ini yang menyebabkan banyak nyawa terkorban. Hamas berjaya menolak keluar pencabarnya dalam perang saudara pada 2007.

Susulan itu, Israel menguatkan sekatan udara, laut dan darat terhadap Gaza. Sekatan negara ini bersama Mesir bermula sejak 2005, tidak lama selepas berundur. Dengan penduduk 2.3 juta di atas tanah 365 km persegi, Gaza dianggap “penjara terbuka” di kawasan antara paling padat di dunia!

Israel melancarkan empat serangan besar terhadap wilayah ini: 2008, 2012, 2014 dan 2021. Ribuan penduduk Gaza terbunuh dan ribuan bangunan runtuh. Pada 2014 sahaja, serangan mengorbankan 2,100 termasuk hampir 500 kanak-kanak. Seramai 11,000 cedera dan 20,000 rumah ranap.

**2023** Hamas lancar serangan mengejut melalui darat dan udara pada 7 Oktober. Israel melancarkan serangan balas bertubi-tubi termasuk penaklukan darat di utara Gaza.

# Konflik tanpa konteks dan sejarah

Oleh NOOR AZAM SHAIRI

Pada setiap kelok waktu yang bergulir, selalu ada sekurang-kurangnya sekeping gambar yang mewakili setiap peristiwa yang terungkap pada setiap tahun dan dekad.

Sejarah panjang Palestin yang diduduki oleh rejim Israel sejak 1948 sampai sekarang juga diingati dari dekad ke dekad melalui foto yang menjadi penanda peristiwa dan masa.

Pada tahun ini, World Press Photo Foundation memilih sekeping gambar dari Gaza, sebagai foto terbaik dalam pertandingan kewartawanan foto yang dianjurkan setiap tahun sejak 1955.

Foto itu dirakam oleh Mohammed Salem, wartawan foto agensi berita Reuters yang sudah 20 tahun bertugas di Gaza.

Ini bukan kali pertama World Press Photo menetapkan foto daripada pendudukan Israel di Palestin sebagai foto terbaik tahunannya.

Pada 2013, ia memilih gambar oleh Paul Hansen, wartawan foto dari Sweden, yang merakamkan perarakan menguburkan jenazah dua kanak-kanak yang terbunuh dalam satu serangan tentera Israel di Gaza.

Foto Mohammed Salem yang muncul juara pertandingan kewartawanan foto paling berprestij itu menunjukkan seorang wanita memeluk satu jenazah kecil.

Daripada seluruh bingkainya, kita tidak tahu di mana gambar ini dirakam kecuali ada dinding marmar putih tempat wanita itu kelihatan bersandar. Kita juga tidak kenal wajahnya.

Hanya ternampak belakang tangannya menyentuh kepala jenazah yang siap berkafan. Kita juga tidak tahu jenazah siapa yang dipeluknya, lelaki atau perempuan.

Foto itu diberi tajuk "Seorang Perempuan Palestin Memeluk Jenazah Anak Saudaranya".

Keterangan gambar yang tertulis menamakan wanita itu Inas Abu Maamar. Umurnya 36 tahun. Jenazah yang dipeluknya ialah anak saudara perempuannya bernama Saly, 5, yang terbunuh

bersama empat ahli keluarga termasuk ibunya dalam serangan Israel. Gambar dirakam di Hospital Nasser di selatan Gaza pada 17 Oktober 2023.

"Banyak gambar kekerasan yang muncul dari Gaza, tetapi gambar seperti ini menyentuh hati banyak orang. Anda melihatnya dan hati anda terasa sakit," kata Mohammed mengulas foto kemenangannya selepas pengumuman oleh World Press Photo pada April 2024.

Foto ini terpilih daripada 61,062 gambar yang dihantar untuk penilaian juri oleh 3,851 wartawan foto dari 130 buah negara. Juri World Press Photo menyifatkan foto Mohammed Salem membangkitkan emosi pada setiap orang yang melihatnya.

Mereka juga beranggapan foto itu dirakam "dengan hati-hati dan hormat, sehingga memberikan makna metafora dan sebenar tentang kehilangan yang tidak terbayangkan."

Foto Mohammed Salem memberi makna yang berlapis-lapis bukan sahaja tentang apa yang berlaku di Palestin dalam tempoh setahun yang lepas tetapi mbingkaikan sejarah panjang konflik yang tidak berkesudahan.

## Ekspresi wajah

Juri World Press Photo memilih foto yang sudah dipotong daripada bingkai yang lebih luas, yang jelas menunjukkan tempat dan identiti watak di dalam gambar.

Kenapa? Debatnya tentu panjang. Ada sekeping foto lain yang jelas menunjukkan wajah Inas dengan ekspresi wajah yang meraung duka (rujuk halaman 12 & 13).

Gambar yang satu lagi itu lebih memberikan kita pemahaman tentang tempat dan juga identiti wataknya, selain jelas menunjukkan suasana – seperti kita dapat mendengar jeritan yang bergaung daripada kesedihan yang tidak tertanggung.

Dalam gambar yang satu lagi itu juga kita melihat sebuah kerusi plastik di sebelah kirinya. Ada kantong mayat terletak di atasnya.

Pada sisi hujung paling kiri, nampak kaki dan kasut seorang lelaki berpakaian serba biru. Mungkin petugas hospital. Wajahnya tidak kelihatan tetapi dia saksi kepada sebuah kesedihan



– barangkali seperti kita yang juga melihat setiap kejadian dari jauh.

Gambar yang dipilih sebagai pemenang nyata telah diasingkan daripada apa sahaja konteks yang menempatkan Inas dan jenazah anak saudaranya di tempat itu, pada suasana itu.

Secara metaforanya, kematian dan penderitaan yang dirasai oleh wanita itu tidak berjejak pada sejarah. Sejarah yang menghantar mereka ke titik itu telah dipadamkan.

"Pada saat-saat seperti ini, fotografi memungkinkan kami untuk berkongsi pesan kepada dunia. Ia memberi peluang kepada orang untuk melihat kami dan apa yang berlaku pada kami," kata Mohammed Salem.

Namun secara metafora – dan juga secara sebenarnya – apa yang berlaku itu cuba ditingkaikan tanpa konteks dan sejarah.

Barangkali World Press Photo cuba meninggalkan mesej yang tajam tentang bagaimana pemingkaian

peristiwa tanpa konteks dan sejarah.

Pemangkasan konteks dan sejarah inilah yang menyebabkan dunia terlupa tentang pencerobohan tanah dan hak, pengusiran penduduk, dan pelenyapan suatu bangsa daripada tanah airnya sendiri yang berlaku secara kejam dan sangat tidak terbayangkan.

Atau mungkin juga World Press Photo mahu kita melihat apa yang berlaku tanpa konteks dan sejarah?

Sejak keganasan Israel ke atas Palestin memuncak bermula 7 Oktober 2023, Al-Jazeera melaporkan sekurang-kurangnya 41,615 orang Palestin terbunuh setakat 30 September 2024. Empat daripada setiap 10 yang terbunuh adalah kanak-kanak.

Sebagai perspektif, sekiranya seorang sahaja kanak-kanak Palestin dikebunkan sehari, seluruh proses pengkebumian itu mengambil masa lebih 45 tahun.



Kepulan asap dan api kelihatan selepas tentera Israel menyerang menara tinggi di Gaza pada 7 Oktober 2023. Serangan balas Zionis susulan tindakan Hamas menangkap lebih 250 rakyat negara itu sebagai tebusan



Kereta kebal Israel mengambil kedudukan untuk menggempur pejuang Hamas dalam operasi terhadap kumpulan berkenaan pada 12 November 2023. Serangan darat ke wilayah Palestin bermula 27 Oktober 2023



Rakyat Palestin meratapi kematian wartawan tempatan Hassouna Sleem dan Sary Mansour yang terbunuh dalam serangan Israel ke atas sebuah rumah dalam kawasan hospital di tengah Semenanjung Gaza pada 19 November 2023



Orang ramai mengusung keranda ketua Hamas yang dibunuh, Ismail semasa perarakan pengebumiannya di Tehran, Iran pada 1 Ogos. Yahya Sinwar diumumkan ketua biro politik Hamas baharu menggantikan Ismail



Penduduk Palestin yang hilang tempat tinggal akibat serangan Israel berlindung di kem penempatan di Rafah, selatan Semenanjung Gaza pada 14 Februari. Hampir dua juta rakyat Palestin hilang tempat tinggal sejak pencerobohan Gaza



Penduduk Palestin menghadiri solat Jumaat berhampiran runtuhan masjid yang musnah dibom Israel di Rafah, selatan Semenanjung Gaza pada 1 Mac. Operasi ketenteraan rejim Zionis turut menyasarkan hospital dan sekolah



Rakyat Palestin melintasi kawasan bangunan yang musnah dibedil Israel di kem petarian Jabalia pada 31 Mei. Tentera rejim giat memburu pejuang Hamas di utara Semenanjung Gaza sejak pertempuran pada Oktober 2023



Inas Abu Maamar memeluk jenazah anak saudaranya, Saly di hospital Khan Younis, Gaza pada 17 Oktober 2023. Saly terkorban dalam serangan udara Israel

KONFLIK Palestin memasuki fasa baharu apabila rejim Zionis meluaskan skala serangan terhadap Lubnan dan Syria, selepas menghentam bumi Palestin, khususnya Gaza.

Kononnya menggempur kumpulan Harakat al-Muqawamah al-Islamiyyah atau Hamas dan Hizbullah, tindakan Israel membunuh 41,615 warga Palestin dan 1,400 rakyat Lubnan, setakat Oktober.

Tempoh 12 bulan perang menyaksikan pemimpin Hamas dibunuh, termasuk Ketua Biro Politiknya Ismail Haniyeh. Setiausaha Agung Hizbullah Hassan Nasrallah juga mati diserang Israel.

Iran buat pertama kali berperang secara terbuka dengan melancarkan ratusan peluru berpandu pada April dan Oktober ke Israel sebagai membalas pemboman konsulatnya di Syria dan pembunuhan sekutunya.

Koleksi foto REUTERS memaparkan Gaza yang musnah dibantai dan serangan di Lubnan selain reaksi masyarakat dunia terhadap kejayaan Zionis sejak Oktober 2023. Keterangan oleh HAFIZAN TAIB.



Sistem pertahanan udara Israel memintas peluru berpandu Iran di ruang udara Ashkelon, Israel pada 1 Oktober. Iran melancarkan serangan terhadap negara itu bagi membalas pembunuhan pemimpin Hamas dan Hizbullah



Penunjuk perasaan mengangkat papan tanda sokongan terhadap Palestin ketika demonstrasi pelajar dan orang ramai membantah tindakan Israel di Universiti George Washington, Washington, Amerika Syarikat pada 25 April



Lokasi terakhir Hassan di selatan Beirut musnah dibom Israel. Pemimpin utama Hizbullah yang memimpin gerakan menentang Zionis sejak 32 tahun lalu disahkan maut dalam serangan udara pada 27 September



Letaki Palestin Ismail Al-Khlout membaca al-Quran semasa menunggu waktu berbuka puasa di kawasan rumahnya yang musnah akibat serangan Israel dalam bulan Ramadan di Beit Lahia, utara Semenanjung Gaza pada 13 Mac



Pemimpin agama dan rakyat Iraq memijak bendera Israel serta Amerika Syarikat ketika menghadiri perhimpunan untuk mengucapkan takziah berikutan kematian Setiausaha Agung Hizbullah di Basra pada 28 September



Rakyat Palestin berkumpul menerima bantuan termasuk bekalan makanan disediakan Program Makanan Sedunia di luar pusat pengedaran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Jabalia, utara Semenanjung Gaza pada 24 Ogos



Kanak-kanak bermain di kawasan runtuhan selepas serangan Israel di kem pelarian Nuseirat, tengah Semenanjung Gaza pada 9 Jun. Lebih 16,000 kanak-kanak maut dalam tempoh setahun serangan rejim berkenaan

# Malaysia lantang bela penindasan Palestin



Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**  
Foto **FIKRI YUSOF**

**M**alaysia meneruskan sikap lantangnya di pentas global demi memperjuangkan hak Palestin dan mengutuk sekeras-kerasnya kekejaman Israel di Tebing Barat dan Gaza.

Dua minggu selepas perang pada 7 Oktober tahun lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bertegas mahu gencatan senjata di Gaza demi mengelak lebih ramai rakyat Palestin terkorban.

Beliau terus konsisten mahu bantuan kemanusiaan disalurkan supaya penduduk terjejas mendapat rawatan serta bekalan makanan bagi mengelak kebuluran, ekoran tiada tanda perang akan berhenti.

Perdana menteri turut menempelak naratif Israel, kononnya perang dimulai tentera Hamas pada 7 Oktober tanpa mengambil kira ia berpunca daripada pencerobohan hak, maruah dan tanah milik Palestin berdekad lamanya.

"Adakah ini tidak penting? Di mana tercampaknya kemanusiaan? Mengapa wujud hipokrasi ini?" katanya pada 11 Mac yang mendapat pujian ramai individu berpengaruh dunia, antaranya penyanyi Maher Zain dan wartawan Perancis Arnaud Bertrand.

Pendirian Malaysia menyokong Palestin disuarakan dalam beberapa siri pertemuan dengan pemimpin dari Arab Saudi, Mesir, Turki, Jepun, Australia, Rusia dan Brazil antara 19 Oktober tahun lalu hingga 25 Ogos.

Sikap pemimpin barat yang berdiam diri dengan kezaliman Israel juga dibidas Anwar pada persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik

(APEC) di hadapan Presiden Amerika Syarikat Joe Biden pada 17 November 2023.

Pada 11 Mac, di depan Canselor Jerman Olaf Scholz pula, Anwar bertegas menentang penjajahan, apartheid, pembersihan etnik atau rampasan hak mana-mana negara, termasuk Ukraine dan Palestin.

Sebagai protes serangan zionis terhadap Gaza, kerajaan Malaysia melarang kapal berpangkalan di Israel berlabuh di mana-mana pelabuhan Malaysia sejak empat bulan lepas.

## Negara Asia pertama

Malaysia juga membawa 41 rakyat Palestin yang cedera dan 86 waris mereka melintasi sempadan Mesir untuk dirawat di negara ini pada 16 Ogos, menjadikan Malaysia negara Asia pertama memberi bantuan sedemikian kepada Palestin.

Anwar yang mengumumkan perkara itu dalam Himpunan Pembebasan Palestin pada 4 Ogos di Bukit Jalil, Kuala Lumpur memberitahu kumpulan rakyat Palestin itu diterbangkan ke negara ini dengan dua pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia.

Beliau menghubungi sendiri Presiden Mesir Abdel Fattah Al-Sisi memohon kerjasama bagi melaksanakan misi membantu semua rakyat Palestin itu.

"Ini tanggungjawab kecil yang kita laksanakan, yang upaya kita lakukan, kalau tanya saya syukurlah kepada Allah kerana kita ada perasaan ihsan, timbang rasa dan tolong ringankan beban. Berapalah sangat 40, 50 orang ini berbanding 40,000 orang yang ditembak ganas oleh Israel," kata beliau pada 17 Ogos.

Langkah membela Palestin tidak terhenti di situ apabila Anwar terus berunding dengan dua menteri

luar Sergey Lavrov daripada Rusia serta Mauro Vieira (Brazil) masing-masing pada 28 Julai dan 25 Ogos di Putrajaya yang menggesa gencatan senjata dan bantuan kemanusiaan kepada Gaza.

Anwar terus menyelar sikap barat yang bersikap tidak acuh terhadap pembantaian rakyat Palestin oleh Israel. Resolusi menggesa gencatan senjata oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) juga tidak diendahkan.

Pada 9 September, Anwar mengulangi kritikan terhadap negara barat yang kononnya mengamalkan demokrasi tetapi mendiadakan diri dengan sikap Israel, sewaktu sambutan Jubli Perak Hari Suhakam ke-25 di Kuala Lumpur.

"Kita tidak boleh membenarkan Israel dan sekutunya untuk terus melakukan pembunuhan di Palestin. Jadi saya rasa kedudukan kita (Malaysia) adalah sangat jelas.

"Adalah memalukan untuk masyarakat antarabangsa terutamanya negara yang bercakap mengenai demokrasi dan hak asasi manusia untuk tidak mengendahkan fakta ini," katanya.

Terkesan dengan pembunuhan Ketua Biro Politik Harakat al-Muqawamah al-Islamiyyah (Hamas) Ismail Haniyeh, Anwar berikrar mempertahankan rakyat Palestin seperti pesanan terakhir Ismail yang meminta perdana menteri membela nasib warga Palestin.

Ismail terbunuh dalam satu serangan di Tehran, Iran pada 31 Julai, sekali gus menjejaskan usaha damai Hamas-Israel.

Sejak perang meletus di Gaza, lebih 41,000 rakyat Palestin terkorban dan lebih 96,000 cedera. Perang yang memusnahkan banyak harta benda turut menyebabkan kira-kira 10,000 individu hilang tanpa jejak.



Foto Ihsan Global Peace Mission

# ‘Kiri kanan ditembak’

Oleh NADIAH ZAMLUS

**B**erdepan serangan hendap Israel dan puluhan rakan ditembak depan mata antara pengalaman sukar dilupakan Muhammad Nadir Al-Nuri Kamaruzaman, aktivis Malaysia yang pernah menetap di Palestin.

Isterinya Reem Al-Minawi, warga Palestin, turut berdepan pembantaian tentera Israel antara Oktober tahun lepas hingga April sebelum dibawa Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Malaysia.

Mengimbu insiden enam tahun lalu, Muhammad Nadir berkongsi pengalaman ketika menyertai perarakan anti-Israel bersama sekumpulan penduduk di Gaza.

“Berarak secara aman tapi tiba-tiba kena serang hendap, di depan mata saya, rakan-rakan yang berarak ditembak. Puluhan syahid.

“Itu antara pengalaman teruk saya pernah hadapi. Tapi kalau hendak cerita dekat orang semula, memang rasa malu. Sebab apa? Sebab apa sangatlah pengalaman saya lalui itu jika dibanding dengan saudara Islam kita tengah hadapi sekarang. Allahuakbar,” keluhnya.

Reem ada bercakap kepada Muhammad Nadir, penduduk Palestin trauma hilang ahli keluarga selain terpaksa berdepan penderitaan akibat serangan Israel di Gaza dalam tempoh setahun ini.

“Bayangkan di kiri dan kanan penuh syuhada bergelimpangan. Seorang ibu terpaksa mendongakkan kepala anak kecilnya ke langit

kerana bimbang terkejut melihat mayat,” kata ketua pegawai eksekutif Cinta Gaza Malaysia (CGM) itu.

Tinggal di Gaza sejak 2013, Nadir yang ada tiga anak selalu berasa terganggu saat terkenang sahabat yang masih bergelut menentang Israel.

Lelaki berusia 37 tahun, juga pengasas CGM, pernah berada di titik paling bawah beberapa bulan sejak perang di Gaza meletus.

Mengakui terlalu letih dengan perjuangan, beliau tersentak membaca tulisan sahabat dari Gaza dalam kumpulan WhatsApp yang menceritakan kisah getir mereka untuk terus bertahan.

## Sasar petugas

Rakan-rakannya di Gaza bersyukur boleh meneruskan kehidupan hari esok dan telah lali hidup dalam suasana perang.

“Memang tak layak bila saya cakap, aku sudah penat, aku sudah letih, sedangkan mereka masih lagi berjuang dengan penuh kekuatan dan kesabaran. Sebenarnya mereka mewakili jutaan umat Islam mempertahankan bumi Palestin,” katanya.

Beberapa hari selepas serangan balas Israel pada 7 Oktober tahun lalu, tular sekeping gambar trak merah hasil sumbangan rakyat Malaysia menerusi bantuan Global Peace Mission (GPM) berada di lokasi penduduk Gaza mencari mangsa runtuh.

Kenderaan berkenaan antara jentera yang disediakan badan sukarelawan Malaysia itu dengan bantuan dana hampir RM1 juta yang dikutip

Kerajaan Selangor pada 2021 sewaktu Palestin dibom rejim zionis.

“Trak ini macam jentera bomba di Malaysia, ada peralatan untuk membantu mangsa runtuh,” kata Ketua Pegawai Eksekutif GPM Ahmad Fahmi Mohd Samsudin.

Beliau juga presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) sentiasa berhubung dengan sukarelawan di bumi Palestin, sebahagian daripadanya syahid ketika berjuang melawan Zionis.

“Tidak dinafikan Israel memang sasarkan petugas kemanusiaan. Memang kita tahu ramai wanita kanak-kanak terbunuh. Tapi dalam diam, ramai petugas kemanusiaan maut kerana mereka terdedah, lagipun matlamat mereka (Israel) mahu lumpuhkan misi bantuan,” katanya.

Selain itu, walau tidak berada di situ, nombor telefon Ahmad Fahmi turut disekat, gara-gara kerap berhubung dengan sukarelawan di sana.

Ahmad Fahmi juga berbangga dengan kerajaan Malaysia yang sentiasa mewakili dunia Islam menyuarakan bantahan kekejaman Zionis.

“Himpunan Pembebasan Palestin jadi platform terbaik untuk Malaysia memberi isyarat jelas kepada masyarakat antarabangsa mengenai sokongan tidak berbelah-bagi terhadap perjuangan penduduk di Gaza.

“Suara kita bukan lagi dalam kalangan negara-negara Arab, bukan lagi OIC (Pertubuhan Kerjasama Islam) sahaja, tetapi pendekatan Malaysia membawa naratif Palestin ini ke seluruh dunia, juga ketegasan pemimpin-pemimpin kita,” katanya.



SIDANG PENGARANG

Ketua pengarang:  
**Fazallah Pit**  
fazallah@mediaselangor.com

Pengarang berita:  
**Afeeqa Afeera Abdul Rasol**  
afeeqa@mediaselangor.com

Penolong pengarang akhbar:  
**Afix Redzuan**  
**Faridzwan Abdul Ghafar**

Ketua wartawan:  
**Nadiah Zamlus**  
sitinadiah@mediaselangor.com

Ketua jurufoto:  
**Hafiz Othman**

Ketua artis grafik:  
**Azwa Malek**

Editorial: [info@mediaselangor.com](mailto:info@mediaselangor.com)  
Iklan: [sales@mediaselangor.com](mailto:sales@mediaselangor.com)  
Pemasaran: [marketing@mediaselangor.com](mailto:marketing@mediaselangor.com)

SelangorTV:  
**Marniza Othman**  
marniza@mediaselangor.com  
**Ameen Azizul**  
ameen@mediaselangor.com

Pemasaran dan Pengiklanan:  
**Suziana Zulkifli**  
suziana@mediaselangor.com

Pengedaran:  
**Alang Bendahara**  
alang@mediaselangor.com



**MediaSelangor**

Media Selangor Sdn Bhd,  
Aras 11 Menara Bank Rakyat,  
No 1 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14,  
40000 Shah Alam, Selangor

Tel: 03-5523 4856 Fax: 03-5523 6856

# Yahudi peralat agama

**S**erangan Israel terhadap penduduk Palestin semakin menjadi-jadi. Nilai kemanusiaan seakan-akan hilang dari radar pemikiran dan jiwa Israel.

Persoalannya, apa asas kebencian ini? Tidak dinafikan bahawa perilaku dan tindakan Israel itu berkaitan pergolakan politik dan penajahan.

Di samping mahu memastikan bangsa mereka menguasai dunia dalam apa jua bentuk, militan Israel tersebut mahu memastikan bangsa mereka terus mempunyai tempat tinggal dengan merampas tanah Palestin.

Perilaku sebegini, bukan sekadar soal kenegaraan dan politik, tetapi ia sudah bercampur dengan soal kepercayaan. Di sebalik perilaku politik, diserap juga soal kepercayaan dan akidah agama. Diletakkan asas kepercayaan bahawa perang terhadap muslim adalah tuntutan keimanan Yahudi.

Hal sebegini bukan perkara baharu. Hal sebegini pernah diceritakan dalam al-Quran ayat ke-120 surah al-Baqarah ada menyebut: "Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka".

Mereka tidak menyukai Nabi daripada latar sejarah yang panjang. Bermula penipuan orang-orang agama mereka yang dibayar oleh golongan kaya mereka sehingga melahirkan sentimen kebencian turun temurun dan bergenerasi.

## Kenal Nabi

Dari sudut pensejarahan yang telah dikisahkan dalam al-Quran bahawa orang-orang Yahudi dan Nasrani sudah awal mengenali Nabi Muhammad sebelum baginda dilahirkan lagi.

Dalam ayat ke-146 surah al-Baqarah: "Orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang Kami berikan Kitab itu mengetahui serta mengenalinya (Nabi Muhammad dan kebenarannya) sebagaimana mereka mengenal anak-anak mereka sendiri.

Dalam kitab al-Jami' Li Ahkam al-Quran, al-Imam al-Qurtubi ada bawakan riwayat bahawa Saidina Umar ada bertanya kepada Abdullah bin Salam yang merupakan salah seorang pendeta Yahudi di Madinah yang kemudiannya memeluk Islam berkenaan ayat ini yang menyebut bahawa orang Yahudi itu mengenali Nabi sebagaimana anak-anak mereka.

Abdullah bin Salam menjawab: "bahkan (mengenali Nabi Muhammad itu) lebih dari kenali anak-anak kami, kerana berkenaan Nabi terdapat dalam Taurat yang kami baca sekian lama."

Mereka mengenali Nabi itu dibuktikan lagi dengan bahawa mereka mempercayai bahawa Nabi akhir zaman bakal dilahirkan; iaitu apabila berlaku peperangan, mereka berdoa dengan Allah agar diberikan kemenangan dengan bertawassul dengan kedatangan Nabi SAW.

Dalam ayat ke-89 surah al-Baqarah ada berkata: "Dan ketika datang kepada mereka sebuah Kitab daripada Allah (Al Quran), yang mengesahkan apa yang ada pada mereka (Kitab Taurat), sedang mereka sebelum itu sentiasa memohon (kepada Allah) kemenangan atas kaum kafir musyrik



(dengan kedatangan seorang Nabi pembawa Kitab itu). Setelah datang kepada mereka apa yang mereka sedia mengetahui kebenarannya (Nabi Muhammad dan Al Quran), mereka mengingkarinya."

Memandangkan mereka mengenali Nabi SAW sebegini, maka tidak hairan semasa baginda sampai ke Madinah, mereka adalah kelompok teramai yang menyambut ketibaan baginda.

Sesampai sahaja baginda pada bumi Madinah, kelompok mereka mengelilingi kenderaan Nabi, malah ada sebilangan mereka yang mencium kaki baginda yang masih berada atas kenderaan kerana mahu mengambil berkat.

Walaubagaimanapun, pengaruh Nabi Muhammad menggugat pengaruh sebilangan pembesar Yahudi yang sebelum itu ada membuat hubungan politik dan ekonomi dengan orang-orang yang berkepentingan seperti Abdullah bin Ubay bin Salul yang merupakan bapa munafik.

Mereka bimbang dengan pengetahuan kalangan Yahudi terhadap Nabi Muhammad dalam Taurat menyebabkan pengikut mereka akan beralih arah kepada baginda, maka meninggalkan daripada memberi penghormatan kepada mereka.

Bukan sekadar itu, malah apabila Nabi SAW mula mengarahkan Abdul Rahman bin Auf membuka pasar baharu yang diperkenalkan kepada riba dan hindari sebarang unsur penindasan menyebabkan pembesar Yahudi semakin tergugat; bimbang pasar mereka ditinggalkan dan ia sudah pasti menggugat kekuatan ekonomi mereka.

Dengan itu, mereka mengupah kepada beberapa orang-orang agama mereka agar mengeluarkan fatwa-fatwa agama agar pengikut mereka tidak mengikut ajaran Nabi Muhammad.

Dengan itu, Rashid Ridha dalam al-Manar menyatakan bahawa ada sebilangan orang-orang agama mereka yang mengubah kandungan Taurat

yang menyebut berkenaan kedatangan Nabi akhir zaman itu.

Dalam ayat ke-79 dari surah al-Baqarah ada menyebut: "Kecelakaan besar bagi orang-orang yang menulis Kitab Taurat dengan tangan mereka (lalu mengubah Kalam Allah dengan rekaan-rekaan mereka), kemudian mereka berkata: "Ini ialah dari sisi Allah", supaya mereka dengan perbuatan itu dapat membeli keuntungan dunia yang sedikit. Maka kecelakaan besar bagi mereka disebabkan apa yang ditulis oleh tangan mereka, dan kecelakaan besar bagi mereka daripada apa yang mereka usahakan itu."

Dalam pada mengubah, mereka ada mengekalkan ayat-ayat yang tidak menyentuh kepentingan mereka. Maka, pengikut mereka mula imani sebilangan ayat dan kufuri sebahagian yang lain. Ayat ke-85 surah al-Baqarah ada berkata: "Maka patutkah kamu hanya percaya kepada sebahagian (dari isi) Kitab Taurat dan mengingkari akan sebahagian yang lain? Maka tiadalah balasan bagi orang yang berbuat demikian itu dari antara kamu, selain dari kehinaan ketika hidup di dunia, dan pada hari kiamat akan ditolak mereka ke dalam azab seksa yang amat berat."

Orang-orang agama mereka tidak berhenti sekadar itu, malah mula mencipta banyak kepercayaan yang ganjil dalam memastikan pengikut mereka kekal dengan agama yang mereka bentuk itu.

Salah satu contohnya adalah, wujud doktrin bahawa kalangan mereka sebagai kelompok yang terpilih dan pasti akan masuk ke syurga.

Jika masuk ke neraka pun, bersifat tidak kekal. Ayat ke-80 surah al-Baqarah ada berkata: "Dan mereka berkata: "Kami tidak sekali-kali akan disentuh oleh api neraka kecuali beberapa hari yang tertentu."



Anwar (tiga, kiri) bersama Ruth Porat (tiga, kanan) dalam majlis Google's Mantap Malaysia Bersama AI di Pusat Perniagaan Elmina, Shah Alam pada 1 Oktober. Turut sama Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (kanan), Menteri Pelaburan Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz (dua, kanan) dan pemimpin persekutuan. Foto Facebook Anwar Ibrahim

## PM rasmi pusat data Google RM8 bilion

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim merasmikan majlis pecah tanah pusat data dan rantau awan Google membabitkan pelaburan RM8.24 bilion dalam program Mantap Malaysia Bersama AI pada 1 Oktober.

Pusat data yang akan dibina di Pusat Perniagaan Elmina, Selangor membantu memenuhi permintaan terhadap keupayaan Google Cloud, inovasi AI, serta produk dan perkhidmatan digital lain, lapor Bernama.

Pelaburan tersebut dianggar menyumbang lebih RM13.27 bilion kepada ekonomi Malaysia selain mewujudkan 26,500 peluang pekerjaan menjelang 2030.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Pelaburan Alphabet dan Google Ruth Porat, Google menegaskan sokongannya terhadap kemajuan masa depan digital Malaysia dengan membina pusat data dan wilayah awannya di Selangor.

## Perkasa institusi pengajian tinggi

# Fokus pelaburan AI, teknologi data

**SHAH ALAM** - Malaysia lebih selektif dalam memilih pelaburan langsung asing dengan memberi tumpuan kepada projek yang memberi manfaat kepada negara terutama bidang kecerdasan buatan (AI) dan teknologi data.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata institusi pengajian tinggi harus diperkasa untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran dalam bidang AI dan kejuruteraan bagi memenuhi keperluan pelabur, lapor Bernama.

"Jadi, kita sekarang lebih selektif memilih pelaburan yang boleh memberi manfaat lebih besar kepada ne-

gara," katanya dalam Forum Ilmuan Malaysia Madani anjuran Tenaga Nasional Bhd di ibu negara pada 25 September.

Beliau memberitahu pembukaan pusat data tidak lagi hanya bergantung kepada elemen tenaga dan air yang murah untuk menggerakkan operasi tanpa keupayaan teknologi yang dipertingkatkan.

"Sekarang, jika mahu (tubuhkan) pusat data, anda mesti ada AI," katanya sambil merujuk projek Nvidia di Johor yang menjadi contoh teknologi penting untuk kekal relevan pada peringkat

global bagi menarik pelabur.

Dalam Program Madani Rakyat 2024 Sarawaku Sayang di Miri pada 28 September, Anwar mengingatkan kestabilan politik sejak dua tahun lepas perlu dimanfaatkan sebagai ruang untuk melaksanakan dasar yang baik buat rakyat.

Beliau percaya kestabilan tersebut membawa kepada pengukuhan nilai mata wang ringgit, pengangguran berkurangan dan inflasi lebih terkawal memudahkan kerajaan untuk memberi tumpuan kepada usaha membangunkan rakyat.

## Struktur semula agihan bantuan

**SHAH ALAM** - Kerajaan mahu beralih kepada pengukuran kemiskinan yang lebih bermakna berdasarkan konsep Pendapatan Boleh Guna Bersih (NDI) sebagai asas mengenal pasti kumpulan sasaran untuk pemberian bantuan.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata konsep itu mengurangkan ralat keciciran dengan mengambil kira Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) iaitu kos keperluan hidup untuk kehidupan bermaruah dan bermakna.

"Meliputi kos makanan, pakaian, tempat tinggal, utiliti dan pengangkutan, yang berbeza mengikut lokasi dan demografi isi rumah," katanya seperti dilapor Bernama.

Beliau yang juga menteri kewangan

merasmikan Simposium Kebangsaan: Menoktahkan Kemiskinan 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 30 September 2024.

Menegaskan Kabinet memberi perhatian terhadap dapatan dalam simposium itu, Anwar mahu Menteri Ekonomi Rafizi Ramli mengumpul dan merumuskan segala pandangan untuk diberi kepada barisan panel dan peserta simposium itu.

Anwar juga menjelaskan kerajaan berusaha untuk menstruktur semula ekonomi termasuk merombak struktur subsidi secara menyeluruh kepada sumbangan lebih bersasar meliputi bantuan sosial dan program kemiskinan.

Beliau menegaskan kebergantu-

ngan kepada peruntukan kerajaan semata-mata boleh menjejaskan program kemiskinan seterusnya mengakibatkan tekanan kepada kerajaan dan menggalakkan sumbangan pelbagai pihak lain.

"Melalui penglibatan syarikat berkaitan kerajaan, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan, sektor swasta dan sektor ketiga dalam inisiatif pembiayaan bersama untuk menyokong penyelesaian berasaskan komuniti," katanya.

Anwar memberitahu kerajaan juga mahu memastikan semua agensi berkaitan bekerjasama dengan berkongsi maklumat dan sumber untuk mengenal pasti sekali gus menyelesaikan isu kemiskinan tegar.

## Hutang 53,000 anak muda RM1.9 bilion

**SHAH ALAM** - Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit mendapati kira-kira 53,000 individu berumur bawah 30 tahun dibebani hutang terkumpul hampir RM1.9 bilion, kata Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Beliau juga memberitahu hutang isi rumah setakat 2023 pula mencecah RM1.53 trilion bersamaan 84.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar, antara nisbah tertinggi di rantau ini, lapor Bernama.

Katanya, tinjauan celik kewangan yang dijalankan Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan menunjukkan cuma 36 peratus penduduk memahami konsep asas kewangan termasuk kadar faedah, inflasi dan kepelbagaian risiko.

## Perkenal dasar risiko bencana

**SHAH ALAM** - Dasar pengurusan risiko bencana negara akan diperkenal sebagai langkah persediaan menghadapi fasa peralihan monsun, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Katanya, dasar yang digubal Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) antara usaha bagi memastikan negara lebih bersedia menghadapi bencana akibat perubahan iklim dan cuaca melampau yang kian kerap berlaku, lapor Bernama.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara itu berkata ia juga bertujuan mengurangkan risiko bencana dengan mengarusperdanakan konsep Pengurangan Risiko Bencana (DRR) dalam setiap sektor pembangunan negara.

"DRR bukan sahaja melibatkan penyediaan infrastruktur tetapi juga peningkatan kesedaran, pencegahan dan kerjasama antara kerajaan, badan bukan kerajaan, sektor swasta serta masyarakat," katanya.



## Tingkat capaian internet di kampus

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi bekerjasama untuk menyelesaikan masalah capaian internet di beberapa kampus institusi pengajian tinggi awam, di negara ini.

Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil berkata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan supaya masalah tersebut diatasi segera berikutan semester sesi akademik baharu bermula tidak lama lagi, lapor Bernama.

Beliau memberitahu penyelesaian isu berkenaan melibatkan infrastruktur jaringan internet yang disediakan vendor penyedia perkhidmatan di kampus yang terlibat.

## Warga emas sasaran tipu dalam talian

**SHAH ALAM** - Seramai 1,916 warga emas menjadi mangsa penipuan dalam talian bagi tempoh lapan bulan pertama tahun ini melibatkan kerugian lebih RM255 juta, kata pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman.

Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf menjelaskan bilangan kelompok itu yang menjadi mangsa kecil berbanding peringkat usia lain tetapi nilai kerugian yang dialami lebih tinggi, menjadikan mereka sasaran utama.

Beliau menambah seramai 86,266 individu menjadi mangsa penipuan dalam talian antara 2021 hingga 2023 dengan 5,533 daripadanya individu berumur 61 tahun ke atas, lapor Bernama.

"Angka hampir sama juga dicatat pada tahun ini iaitu daripada 21,535 kes penipuan dalam talian yang direkod hingga Ogos 2024, 1,916 mangsa atau 8.9 peratus ialah warga emas," katanya dalam kenyataan pada 28 September.

## 66 mesin pengimbas atasi penyeludupan

**SHAH ALAM** - Sebanyak 40 unit mesin pengimbas bagasi dilengkapi kecerdasan buatan (AI) bernilai RM40.72 juta dipasang pada Mei dan Jun bagi memantapkan tahap keselamatan kawalan pintu masuk utama di seluruh negara.

Menurut ketua pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia, mesin itu membantu dari segi pengecaman dan analisis imej sekali gus menganalisis corak penyeludupan barangan terlarang terutama dadah dengan lebih berkesan.

Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin memberitahu kemudahan tersebut berupaya memberi ketepatan data dan pengecaman dengan cepat seterusnya mengurangkan ketirisan dan meningkatkan hasil negara, lapor Bernama.

## Percepat salur bantuan banjir

**SHAH ALAM** - Penyaluran bantuan awal Tabung Bencana Tanaman Padi untuk pesawah yang terjejas banjir di Kedah, baru-baru ini dipercepat, kata menteri pertanian dan keterjaminan makanan.

Menurut Datuk Seri Mohamad Sabu, anggaran awal kerugian sektor pertanian yang terjejas kira-kira RM40 juta tetapi pihaknya dalam proses kajian menyeluruh untuk mengenal pasti nilai kerugian sebenar, lapor Bernama.

"Jumlah kerugian itu merangkumi tanaman padi (paling tinggi), sayur-sayuran, nelayan darat yang kolam mereka musnah akibat banjir dan ladang ternakan lembu. Kawasan jelang padi

mesti diambil perhatian khas," katanya.

Beliau ditemui selepas menyampaikan sumbangan Bakul Makanan Madani kepada pesawah, petani dan penternak terjejas banjir di Pertubuhan Peladang Kawasan C-III Tajar di Pendang, Kedah pada 30 September.

Seramai 2,074 pesawah dan pengusaha pertanian bawah Inc Kedah yang terjejas banjir pada bulan lalu menerima sumbangan bakul makanan mengandungi pelbagai keperluan asas.

Mohamad memberitahu hampir 6,000 hektar kawasan tanaman padi banjir pada pertengahan September dan keadaan itu mengakibatkan padi yang hampir dituai

rosak sekali gus menyebabkan kekurangan bekalan beras negara.

Katanya, Kementerian juga akan memohon peruntukan kira-kira RM400 juta dalam Belanjawan 2025 untuk menambah baik prasarana dan sistem saliran untuk persiapan jangka panjang bagi mengatasi isu kekurangan bekalan beras.

Berdasarkan statistik terkini Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada), seluas 5,915.53 hektar kawasan sawah terjejas banjir melibatkan 2,928 pesawah di Kedah dan Perlis.

Kerajaan menyediakan bantuan, tertakluk kepada usia padi dengan anggaran nilai bantuan bermula RM876 hingga RM1,800 per hektar. Setiap pesawah yang layak terhad kepada keluasan tiga hektar bagi satu musim penanaman.

## Seiring peningkatan ekonomi negara

# Perhebat usaha basmi kemiskinan

**SHAH ALAM** - Usaha membasmi kemiskinan tegar diperhebat selaras prestasi ekonomi negara yang sihat selain memastikan tidak ada kelompok yang tertinggal dari menerima manfaat, kata Menteri Ekonomi Rafizi Ramli.

Beliau memberitahu tumpuan diberi supaya kemajuan dinikmati semua khususnya golongan memerlukan meski berdepan keangan keupayaan jabatan kerajaan untuk menstruktur kembali masyarakat sekali gus membasmi kemiskinan.

"Kita perlu beri tumpuan kepada kumpulan terlibat dalam masyarakat untuk memainkan peranan ini (membantu) dengan sistem dasar dan ekosistem yang memberdayakan mereka

untuk sama-sama membasmi kemiskinan.

"Kalau tidak kita akan terus terpisah antara golongan semakin kaya dan golongan yang semakin miskin walaupun angka pertumbuhan ekonomi negara nampak baik," katanya seperti dilapor Bernama pada 30 September.

Berucap dalam Simposium Kebangsaan 2024: Menoktah Kemiskinan di Putrajaya, Rafizi berkata Malaysia di landasan tepat mengendalikan ekonomi ekoran pertumbuhan positif, inflasi terkawal dan dan pengukuhan nilai ringgit.

"Kalau kita tanya kebanyakan penerima daripada kumpulan berpendapatan rendah, selain bantuan tunai, penyelesaian lebih baik ialah

kegiatan ekonomi yang menghasilkan pendapatan berterusan," katanya.

Beliau berkata kerajaan berdepan cabaran merangka program berkesan kerana bantuan dalam bentuk tunai atau kelengkapan untuk membantu golongan miskin memulakan perniagaan sering tidak mencapai kejayaan diharapkan.

Menjelaskan ia bukan disebabkan bantuan tersebut tidak mencukupi, Rafizi sebaliknya menjelaskan golongan berpendapatan rendah lebih memerlukan ilmu, latihan dan pengalaman agar berupaya berdepan risiko perniagaan.

"Walaupun kerajaan memberi bantuan beberapa ratus juta, laporan menunjukkan selepas tiga hingga empat tahun, mereka yang mendapat bantuan belum dapat keluar dari kepompong kemiskinan," katanya.

## Harap subsidi diesel diteruskan

**SHAH ALAM** - Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) berharap Belanjawan 2025 menyediakan dana bagi meneruskan pemberian subsidi petrol serta diesel dan bantuan sara hidup kepada masyarakat nelayan tanpa mengira kelas.

Pengerusi Lembaga Pengarahnya Abdul Hamid Bahari berkata peruntukan itu bagi memastikan nelayan dapat menampung kos operasi harian sekali gus dapat meningkatkan lagi taraf hidup mereka, lapor Bernama.

Katanya, Nekmat yang disertai hampir 100,000 nelayan berharap pemberian petrol dan diesel bersubsidi termasuk di Sabah dan Sarawak dikekalkan selain manfaat itu diperluas kepada nelayan yang tidak menerima bantuan itu.

"Tanpa subsidi minyak, sukar untuk nelayan turun ke laut khususnya bagi nelayan kelas zon C2 (tangkap laut dalam). Ada kalangan mereka tidak dapat turun ke laut kerana tidak dapat tampung kos tinggi," katanya.

Beliau percaya penerusan program subsidi petrol dan diesel kepada nelayan berupaya menstabilkan harga ikan, merencanakan pertumbuhan ekonomi negara sekali gus menjamin kesejahteraan rakyat.

Abdul Hamid juga berharap bantuan sara hidup nelayan sebanyak RM300 setiap bulan diperluas kepada pemilik bot bagi zon B dan C berikutan hanya pekerja bagi kedua-dua zon tersebut menerima manfaat berkenaan.



**BERSIH...** Peserta mengumpul bangkai burung ketika program menembak gagak sekitar kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya pada 28 September. Aktiviti disertai 25 peserta terdiri daripada orang awam yang memiliki lesen senjata api sah. Foto Facebook Majlis Bandaraya Subang Jaya

## Tumpu Ampang, Kuala Selangor

# Tambah pusat kitar pandu lalu

Oleh **SHEEDA FATHIL**

**SHAH ALAM** - Pusat Kitar Semula Pandu Lalu Automatik (ATDReC) kendalian KDEB Waste Management (KDEBWM) bakal diperluas di Ampang dan Kuala Selangor pada hujung tahun ini.

Pengarah Urusannya Dato' Ramli Mohd Tahir memberitahu pembinaan dua pusat berkenaan berikutan sambutan menggalakkan penduduk sekitar Cyberjaya.

"Masyarakat semakin cakna amalan kitar semula. Pada awal pembukaan di Cyberjaya kakitangan kita mengutip barangan (kitar semula) seminggu sekali tetapi kini sudah tiga kali seminggu," katanya pada 25 September.

Sebelum ini, Ramli memaklumkan ATDReC di Cyberjaya mengutip 1.7tan barangan bagi tempoh April hingga pertengahan Mei sejak dilancar pada Mac.

ATDReC adalah pusat kitar semula pandu lalu automatik dilengkapi kamera litar tertutup dan beroperasi

24 jam bagi menjadikan akses kitar semula lebih mudah.

Ramli menjelaskan pihaknya juga akan memperkemas dan menambah baik perkhidmatan kutipan sampah tahun hadapan dengan menukar lori kompaktor lama kepada yang baharu apabila kontrak diperbaharui.

"Jika sebelum ini guna lori berwarna biru putih 16 tan, kali ini kita tukar kepada lori merah kuning berkapasiti 18 dan 19 tan bagi menjadikan ia lebih efektif serta mampu mengutip sampah lebih banyak," katanya.

## Jajaran bas baharu elak bertindih

**SHAH ALAM** - Jajaran baharu Bas Smart Selangor dan perkhidmatan laluan van transit atas permintaan (DRT) dijangka dimuktamad menjelang tahun depan, kata EXCO mobiliti.

Menurut Ng Sze Han, perbincangan bagi menentukan laluan pengangkutan awam itu dibuat bersama pihak berkuasa tempatan (PBT), Prasarana Malaysia Berhad dan Rapid Bas bagi mengelak pertindihan.

"Boleh dikatakan tidak banyak perbezaan laluan buat masa ini kerana laluan Bas Smart Selangor tidak bertindih dengan laluan Prasarana.

"Kerajaan Negeri perlu harmonikan laluan ini supaya kita dapat pastikan ketersambungan pe-

ngangkutan awam yang lengkap untuk kebaikan rakyat Selangor," katanya pada 25 September.

Pada Januari, Kerajaan Negeri mengarahkan PBT mengkaji semula laluan Bas Smart Selangor bagi meningkatkan perkhidmatan, sekali gus menyelaraskannya dengan laluan DRT.

Lebih 60 juta penumpang dicatat menggunakan bas itu antara 2015 hingga Jun 2023, dengan 166 bas disediakan ke 50 laluan menerusi peruntukan tahunan RM45 juta.

Van DRT yang dilaksana mulai November 2023 pula mencatatkan hampir 54,000 pengguna setakat Jun, bagi menggantikan kemudahan Bas Smart Selangor ke laluan sempit dan penduduk ramai.

## Kutip lebih lapan tan sampah

**SHAH ALAM** - Lebih lapan tan sampah dikutip Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di Kampung Fajar, Hulu Kelang dan Taman Bukit Indah Fasa 2 baru-baru ini.

MPAJ memaklumkan 0.21 tan sampah kitar semula diasingkan sempena Hari Pembersihan Sedunia yang bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat menjaga kebersihan alam sekitar.

"Usaha ini juga bagi menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) iaitu untuk menjadikan bandar dan penempatan manusia inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengumpul lebih 1.17 tan sampah sempena Hari Cuci Malaysia pada 28 September, kata timbalan datuk bandar.

Menurut Aznan Hassan, program inisiatif Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan itu disertai 292 sukarelawan dalam aktiviti pembersihan di 10 kawasan.

"Objektif program adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kebersihan awam dan cara membuang sampah dengan betul.

"Konsep program pula adalah pembersihan mega bersepadu melibatkan 156 pihak berkuasa tempatan seluruh negara," katanya.

## Karnival Klang tawar hadiah motor

**SHAH ALAM** - Orang ramai dipelawa menghadiri Karnival Bandaraya Diraja Klang di Kompleks Sukan Pandamaran pada 25 hingga 27 Oktober.

Majlis Bandaraya Diraja Klang menerusi Facebook memaklumkan karnival tiga hari bermula 9 pagi hingga 12 tengah malam itu turut menawarkan hadiah motosikal kepada pengunjung bertuah.

"Pelbagai aktiviti menarik bakal menanti anda di sana antaranya zumba, aerodance, sukan tradisi, basikal tolak, mewarna dan pertunjukan fesyen.

"Menariknya, pengunjung turut dihiburkan dengan persembahan penyanyi legenda rock tanah air Datuk Awie, Hazama, Black, Tajul, Afieq Shazwan dan Suki Low," katanya menerusi Facebook baru-baru ini.

Selain itu, turut diadakan pameran kereta dan motosikal, pertunjukan bunga api, pertandingan karaoke dan kitar semula.

**Air Selangor**

PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD  
(201401006213)

### KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	TBA	RENEWAL OF SOFTWARE LICENSE SUBSCRIPTIONS FOR CUSTOMER CLOUD SERVICE (CCS) & ORACLE FIELD SERVICE CLOUD (OFSD) FOR YEAR 2025 - 2029
2.	TBA	RENEWAL OF ORACLE UNIVERSAL CREDIT (UC) SUBSCRIPTION FOR CRIS AND TAMS FOR YEAR 2025 - 2029

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> atau <https://tender.airselangor.com>

## Permudah urusan bayar zakat

**SHAH ALAM** - Lembaga Zakat Selangor (LZS) melancarkan Rakan Affiliate Dakwah Kutipan Zakat (Radiuz) sebagai inisiatif menggalakkan dan menarik lebih ramai anggota masyarakat untuk membayar zakat.

Ketua Divisyen Kutipan LZS Muhd Fikri Naim Harun memberitahu terdapat sejuta rakyat di Selangor berumur 25 tahun dan ke atas belum membayar zakat menerusi LZS.

Beliau juga menjelaskan, inisiatif bermula Oktober menyaksikan Radiuz berdaftar dengan LZS ditawarkan upah satu peratus bagi setiap pembayaran menerusi platform tersebut, lapor Bernama.

"Kalau ikut kemampuan LZS yang mempunyai 650 kakitangan, kita tidak mampu pergi kepada satu juta (pembayar zakat) tersebut, jadi kami memerlukan Radiuz mempromosikan dakwah zakat kepada masyarakat.

"Ada pengaruh menjadi Radiuz antaranya Financial Faiz, PU Amin serta beberapa lain. Mereka boleh menjadi pencetus kepada lebih ramai orang, khususnya generasi muda menyertai Radiuz," katanya.

Terdahulu beliau menghadiri pelancaran Karnival Zakat Selangor yang disempurnakan Ketua Pegawai Eksekutif LZS Mohd Sabirin Mohd Sarbini pada 28 September. Turut hadir Ahli Lembaga Pemegang Amanah LZS Raja Tan Sri Arshad Raja Uda Alhaj.

Muhd Fikri Naim berkata Radiuz terbuka kepada individu berusia 18 tahun ke atas khususnya kalangan mahasiswa dan mereka yang mendaftar akan disaring Jabatan Syariah dan Dakwah supaya bebas kes jenayah serta rasuah.

## Kesedaran daftar sijil halal rendah

**SHAH ALAM** - Tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan pengusaha dan penggiat industri antara punca permohonan pensijilan halal di negara ini kurang mendapat sambutan, kata pengarah teknikal Halal Academy.

Haridyanti Ben menjelaskan konsep pensijilan halal bukan hanya berlandaskan keperluan undang-undang, tetapi melibatkan kesihatan, keselamatan dan kualiti makanan.

"Mereka tiada kesedaran halal iaitu konsep pensijilanan halal di Malaysia adakah berdasarkan halalal toyyiban (menyeluruh)," katanya dalam program Hai Selangor terbitan SelangorTV pada 27 September.

Beliau berkata terdapat sembilan skim dalam agensi penyelia latihan itu yang dipertanggungjawab Jabatan Kemajuan Islam itu untuk memohon sijil halal seperti makanan dan minuman, kosmetik serta hotel.

Sementara itu, Pengurus Besar Halal International Selangor Toyyiba Sdn Bhd Muhammad Syaril Showkat Ali percaya pensijilan halal mampu menyeragamkan ekosistem industri halal.

## Angkuh ciri pelampau agama

**SHAH ALAM** - Ekstremis agama adalah fahaman yang merangkumi pemikiran, tindakan dan sikap yang bertentangan dengan ajaran Ahli Sunah Waljamaah.

Pensyarah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata golongan tersebut bersikap kasar dan keras malah gemar melabel pihak yang tidak bersetuju dengan ideologi mereka.

"Menurut ulama tersohor Syeikh Dr Yusuf Al-Qaradawi, keangkuhan menjadi ciri utama ekstremisme agama dalam memperjuangkan dan mempertahankan ideologi mereka. Pertentangan ini didorong oleh rasa angkuh sehingga semua pemikiran, sikap dan tindakan mereka melampaui batas.

"Mereka tidak memahami al-Quran dan Sunnah dengan jelas dan sahih," kata Prof Madya Dr Ahmad Munawar Ismail di sini pada 26 September.

Beliau membentangkan Refleksi Kritis Yusuf al-Qaradawi terhadap ekstremisme agama sempena Seminar Kajian Islam peringkat Selangor anjuran Jabatan Agama Islam Selangor.



Dr Ahmad Munawar berkongsi karya pemikir Islam itu turut mendefinisikan ekstremisme agama membawa fahaman yang menyeleweng daripada semua sudut termasuk akidah, perundangan, akhlak dan cara berfikir.

"Ideologi ini hakikatnya adalah lemah tetapi liar. Lawan kepada ideologi ini adalah al-Wasatiyyah, iaitu kesederhanaan dan keseimbangan daripada semua aspek termasuk spiritual, ideal, material, perasaan, emosi dan peribadi.

"Tindakan mereka memberi implikasi yang buruk kepada imej agama Islam," jelasnya.

Sementara itu, peranan masjid perlu diperkasa bukan sebagai tempat beribadah sahaja sebaliknya pusat

tumpuan komuniti (PTK), kata pensyarah Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam Universiti Islam Selangor (UIS).

Prof Madya Dr Mariam Abd Majid memberitahu pengurusan masjid perlu membina dewan serbaguna bagi menjalankan pelbagai kegiatan antaranya

seminar, sukan, jamuan rakyat, perkhawinan termasuk tempat rekreasi.

Katanya, kajian selama setahun melalui geran yang disediakan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia mencadangkan masjid sebagai rumah tumpangan sementara bagi mangsa bencana atau mereka yang berdepan masalah keluarga.

"Juga menumpukan pembinaan hotel supaya penginap boleh singgah untuk mendekati mereka dengan masjid bagi mengukuhkan peranan sebagai PTK," katanya dalam Seminar Kajian Islam peringkat negeri pada 26 September.

Seorang lagi pembentang Norazla Abdul Wahab dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang UIS pula mencadangkan agensi agama supaya menubuhkan majlis khusus untuk memberi sokongan kepada isteri yang kehilangan suami.

Menurut beliau, kajian mengenai kesedaran hukum ihdad (berkabung) wanita bekerjaya di Selangor mendapati golongan itu berdepan isu kewangan, sosial, emosi dan kekangan cuti bagi memenuhi tuntutan proses idah.

## Taasub agamawan tanpa berfikir

► DARI MUKA 16

### Beragama tanpa prinsip burhan

Kepercayaan mereka kepada orang agama amat menebal. Mereka beragama bukan secara fikir. Mereka beragama secara percaya pada apa sahaja yang dibangkitkan oleh guru mereka.

Apabila guru mengatakan bahawa perlu meragui kenabian Muhammad SAW, maka mereka turut sama meragukannya.

Apabila guru mereka anggap, menentang umat Islam adalah tuntutan agama, maka mereka mempercayainya, malah melakukan penentangan tersebut.

Agama dalam penilaian mereka bukan lagi hujah dan fikir. Agama dalam anutan mereka adalah taklid buta. Apa sahaja yang datang dari mulut guru, maka itu perlu diimani.

Justeru, penilaian mereka adalah kepentingan yang berasaskan kepada hawa nafsu, bukan kebenaran yang dapat difahami melalui proses fikir.

Dengan sebab itu, ayat ke-120 surah al-Baqarah menyebut: Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka (yang telah terpesong itu)."

Dalam ajaran Yahudi, kebenaran hanya datang daripada kalangan mereka. Sebarang hal keagamaan

dan kepercayaan yang datang dari selain ajaran mereka, pasti dianggap sebagai tidak benar, walaupun ia lebih tepat dengan burhan dan hujah.

Kepercayaan sebegini sudah meresap dalam agama mereka yang menyebabkan penganut agama itu tidak akan menerima Islam, malah terus menerusi memusuhi Islam.

Walaubagaimana pun, ajaran Islam menekankan konsep burhan. Ekoran itu, dalam sambungan ayat terbabit, Allah berkata: Katakanlah (kepada mereka): "Sesungguhnya petunjuk Allah, itulah petunjuk yang benar". Dan demi sesungguhnya jika engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya (wahyu yang memberi) pengetahuan kepadamu (tentang kebenaran), maka tiadalah engkau akan peroleh dari Allah (sesuatu) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepadamu.

Prinsip burhan atau hujah ini, dinyatakan dalam ayat ke-111 surah al-Baqarah: "Katakanlah (Wahai Muhammad), datangkan burhan kamu, jika kamu dari kalangan orang-orang yang benar."

Malah asal ayat 111 ini diturunkan pun kerana menolak kepercayaan Yahudi yang anggap bahawa penganut agama mereka pasti akan masuk ke syurga: "Mereka berkata: sekali-kali tidak akan masuk ke dalam syurga kecuali mereka adalah orang Yahudi atau orang Nasrani."

### Penutup

Daripada kupasan ini, dapat diberikan beberapa rumusan seperti berikut;

- Salah satu masalah besar yang berlaku pada agama Yahudi adalah beragama secara taasub terhadap ajaran para agamawan mereka. Sebarang perkara yang dipersembahkan oleh guru mereka dianggap sebagai benar, walaupun kadangkala bercanggah dengan konsep burhan.
- Apabila guru-guru mereka dibayar oleh orang-orang berkepentingan dalam kalangan mereka, maka kitab Taurat yang menyebut berkenaan kebenaran Nabi Muhammad selaku nabi akhir zaman digelapkan daripada Taurat.
- Dengan digelapkan berkenaan Nabi SAW dari Taurat, menyebabkan penganut Yahudi tidak mengetahui berkenaan ajaran Taurat yang sebenar. Dengan itu, mereka kekal menolak Nabi Muhammad saw, malah memusuhi ajaran Islam.
- Apabila mereka beragama secara taklid dan bukan berakal, tidak hairan sebarang perkara yang tidak selaras dengan kehendak dan kepentingan mereka, pasti akan ditolak.



**GIRANG...** Pasukan Sekolah Kebangsaan Seksyen 20, Shah Alam meraikan kejayaan menjuarai trofi sumbangsiah Piala Raja Muda Selangor 2024 menewaskan Sekolah Kebangsaan Seri Selangor 6-1 di Subang Jaya pada 1 Oktober. Foto BERNAMA ▶ BERITA MUKA 24

Bantu selesaikan urusan permit

# Wolfsburg urus permit Qaseh Rania

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

**SHAH ALAM** - Kelab bola sepak VFL Wolfsburg berminat mendapatkan khidmat Qaseh Rania Khairul Najib untuk beraksi bersama pasukan belia gergasi Eropah itu.

Bapa kepada pemain termuda Liga Super Wanita Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) berkongsi kelab Jerman itu akan membantu menyelesaikan urusan permit Qaseh Rania.

"VFL Wolfsburg sangat berpuas hati dengan prestasi Rania selama enam minggu jalani latihan di Jerman. Ki-

sahnya sebagai pemain bola sepak turut disiarkan di laman sesawang rasmi kelab dengan tajuk 'The Soccer Girl From Malaysia'.

"Permit untuk membolehkan Rania beraksi dalam perlawanan kompetitif namun tempoh dokumentasi agak lama kerana Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) perlu menilai ranking Harimau Malaya," kata Khairul Najib Ibrahim pada 30 September.

Dalam perkembangan lain, Khairul Najib memaklumkan anaknya mendapat panggilan menyertai pasukan kebangsaan bawah 17 tahun (B-17) bagi persiapan perlawanan an-

tarabangsa.

Menurutnya, Qaseh Rania menyertai kem latihan pada 27 September bagi menghadapi perlawanan persahabatan menentang Jordan dan Palestin.

Pemain penyerang tengah itu pernah meraih anugerah Pemain Muda Terbaik bagi saingan Liga Super Wanita FAS 2023 ketika beraksi bersama Majlis Bandaraya Subang Jaya FC.

Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) membantu membangunkan bakat Qaseh Rania sejak 2020 termasuk menaja kos RM15,000 bagi mengikuti program latihan bersama kelab Liga 1 Croatia, NK Osijek pada 2022.

## RM10,000 buat atlet Olimpik, Para

**SHAH ALAM** - Kesemua 56 atlet yang mewakili negara di Sukan Olimpik dan Paralimpik Paris 2024 menerima insentif Nestle Milo berjumlah RM560,000.

Insentif yang mencerminkan komitmen syarikat pengeluar minuman itu menyaksikan setiap atlet membawa pulang RM10,000, lapor Berita Harian.

Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh memuji usaha Nestle Milo yang selama ini sentiasa menyokong atlet dan pembangunan sukan negara.

"Komitmen Nestle Milo tidak saja terbatas kepada tajaan sukan, tetapi lebih daripada itu dan mereka membantu membina budaya sukan dari peringkat akar umbi ke peringkat tertinggi.

"Apa yang ditunjukkan Nestle Milo memperlihatkan peranan penting yang dimainkan sektor swasta untuk menyokong pembangunan sukan Malaysia," katanya pada 1 Oktober.

Ketua pegawai eksekutif Nestle Malaysia berkata pihaknya teruja untuk

meraikan pencapaian luar biasa kesemua 56 atlet Malaysia yang beraksi di Paris.

"Dedikasi mereka kepada sukan mencerminkan nilai yang didukung oleh Nestle Milo selama lebih daripada 70 tahun," kata Juan Aranols.

Pada temasya Olimpik Paris 2024, kontinjen Malaysia menghantar seramai 26 atlet manakala bagi Paralimpik Paris 2024, sejumlah 30 atlet dihantar bagi mengibarat cabaran negara.

## Tidak sambung kontrak Hendrawan

**SHAH ALAM** - Persatuan Badminton Malaysia (BAM) tidak menyambung kontrak jurulatih perseorangan lelaki negara Hendrawan yang tamat hujung tahun ini selepas lebih sedekad berbakti bersama badan induk itu.

Pengarah Kejurulatihan Akademi Badminton Malaysia Remy Mainaky berkata penstrukturan semula barisan kejurulatihan bagi memastikan BAM dapat melahirkan lebih ramai pemain berkualiti terutama dalam acara perseorangan.

"Kita perlu pembaharuan dan mengharapkan (jurulatih baru) akan menghasilkan pemain berkualiti serta akan ada lebih ramai pemain yang boleh jadi juara dalam apa-apa kejohanan," katanya seperti dilaporkan Harian Metro pada 1 Oktober.

Sementara itu, ketua jurulatih beregu lelaki serta campuran kekal iaitu Tan Bin Shen dan Nova Widiyanto manakala pelatih perseorangan lelaki, wanita dan regu wanita akan dimaklumkan dalam masa terdekat.

## Capai sasaran pingat Para SUKMA

**SHAH ALAM** - Kontinjen Selangor mengakhiri temasya Para Sukan Malaysia Sarawak di tempat keempat keseluruhan dengan kejayaan mengutip 30 emas, 42 perak dan 40 gangsa.

Pencapaian membanggakan itu melepasi sasaran 29 emas dan tiga teratas keseluruhan seperti yang dihasratkan sebelum kejohanan.

Skuad renang muncul penyumbang utama emas dengan 12 pingat diikuti olahraga (lapan), tenpin boling (lima), ping pong dan catur (dua) serta satu boling padang.

Keputusan itu juga memperbaiki pencapaian 28 emas, 26 perak dan 24 gangsa dalam edisi dua tahun lalu di Kuala Lumpur.

## Farish ulang kejayaan di Sepang

**SHAH ALAM** - Pelumba negara Muhammad Farish Hafiy mengulangi kejayaan menaiki podium di Sepang dalam perlumbaan pertama pusingan ketiga Asia Talent Cup (ATC) 2024 di Litar Antarabangsa Mandalika, Indonesia pada 28 September.

Beliau yang memenangi tempat keempat pada awalnya diberikan kedudukan podium selepas pemenang ketiga Kiandra Ramadhapa dikenakan penalti enam saat berikutan tunggangan agresif pada pusingan akhir perlumbaan, lapor Berita Harian.

Ramadhapa dilihat menghimpit Farish dan tindakan itu turut mengakibatkan pelumba Thailand Kiattisak Singhapong terbabas diikuti aksi sama terhadap pelumba Jepun Ryota Ogiwara.

Dua lagi pelumba negara yang turut beraksi di ATC musim ini Asyraf Zaquan dan Farhan Naqib masing-masing menamatkan perlumbaan di luar pungutan mata iaitu ke-18 dan ke-19.



**DATUK BORHAN AMAN SHAH**  
Tanjung Sepat

menyampai keperluan pembelajaran kepada penduduk di DUN beliau

**DATUK RIZAM ISMAIL**  
Sungai Air Tawar

bersama pemenang kejohanan memanah di Sungai Besar, Sabak BERNAM



**RAJIV RISHYAKARAN**  
Bukit Gasing

merasmikan Karnival Pakaian Tradisional Cina dan Pesta Tanglung di Petaling Jaya

**ABBAS AZMI**  
Seri Serdang

meninjau keadaan sistem saliran sekolah agama di Subang Jaya



**AZMIZAM ZAMAN HURI**  
Pelabuhan Klang

memeriahkan sambutan Maulidur Rasul bersama penduduk di Telok Gong, Klang

**DANIAL AL RASHID**  
Batu Tiga

meninjau pembangunan Kompleks Uptown di Seksyen 24, Shah Alam



**LIM YI WEI**  
Kampung Tunku

hadir ke program masyarakat di Kampung Sungai Kayu Ara, Petaling Jaya

**CHEONG KIAN YOUNG**  
Kajang

melawat cadangan pembinaan perpustakaan di Hospital Kajang, Hulu Langat



## Kerjasama agensi tangani banjir

**SHAH ALAM** - Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Kemuning bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kerja Raya dan pihak berkuasa tempatan bagi mengelakkan bencana banjir berulang.

Wakil rakyatnya S Preakas menjelaskan usaha yang dijalankan antaranya menyelenggara semua sistem saliran, termasuk longkang tidak bertuan bagi menghadapi fasa peralihan



monsun yang dijangka berlautan hingga November.

"Antara masalah di DUN Kota Kemuning adalah penyelenggaraan longkang kerana kita ada kira-kira satu kilometer longkang yang tidak bertuan dan kita tidak dapat uruskan dengan baik.

"Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan RM5 juta baru-baru ini untuk selesaikan isu longkang tidak bertuan di seluruh Selangor. Jadi kita akan mula

buat bersama tiga agensi terbabit," katanya pada 27 September.

Mengulas kejadian banjir kilat pada 25 September, Preakas memberitahu air surut sepenuhnya dalam tempoh dua jam dan hanya menjejaskan beberapa kawasan di Jalan Kebun dan Kota Kemuning.

"Banjir kali ini tidak jejakkan Taman Sri Muda, ini menunjukkan perancangan berjaya. Ada lokasi perlu diberi perhatian seperti kawasan perumahan dan perindustrian di Jalan Kebun," katanya.

### Manfaat ribuan penduduk

# Klinik baharu di Subang Jaya

Oleh **ALIFF HAIQAL MOHAMED**

**SUBANG JAYA** - Penantian kira-kira 20 tahun warga Subang Jaya untuk memiliki klinik kesihatan bakal berakhir melalui pembinaan kemudahan itu menjelang suku pertama tahun depan.

Wakil rakyatnya Michelle Ng Mei Sze memberitahu kebenaran merancang membina klinik kesihatan di USJ 1 itu diberikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) pada 27 September tahun lalu.

Beliau menjelaskan tender projek membabitkan kos lebih RM52 juta itu

akan dibuka bulan depan manakala pembinaan dijadual siap sepenuhnya pada 2028.

"Klinik Kesihatan USJ 1 juga dilengkapi komponen 'infectious disease'. Ini kemudahan yang istimewa bagi klinik kesihatan yang akan dibina di Subang Jaya," katanya dalam Pesta Hari Malaysia di sini pada 28 September.

Michelle menambah kemudahan berkenaan dijangka memudahkan penduduk setempat untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan terutama golo-



ngan berpendapatan rendah (B40).

"Subang Jaya selama ini tiada klinik kesihatan, jadi penduduk terpaksa pergi ke klinik kesihatan tempat lain iaitu di Klinik Kesihatan Kelana Jaya.

"Tetapi, klinik itu sekarang dalam proses ubah suai. Maka Klinik Kesihatan Taman Medan menerima beban daripada penduduk Subang Jaya dan ada penduduk USJ pergi ke Klinik Kesihatan Batu 14, Puchong.

"Kedua-dua klinik kesihatan ini telah melangkaui beban setiap hari, mereka menerima kunjungan seramai 1,000 orang penduduk," katanya.

## Suri rumah terima skim Perkeso

**SHAH ALAM** - Seramai 20 suri rumah di sekitar Parlimen Hulu Selangor menerima tajaan caruman Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) bernilai RM2,400 setahun.

Penyelarasnya Dr Sathia Prakash Nadarajan menjelaskan tajaan tersebut bagi memastikan golongan berkenaan mendapat perlindungan sewajarnya jika berlaku seba-



rang kecemasan.

"Masyarakat biasanya hanya tahu Lembaga Zakat Selangor dan Jabatan Kebajikan Masyarakat sedangkan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) juga mempunyai skim khas untuk suri rumah.

"Ini sebagai permulaan untuk memberi perlindungan keselamatan sosial daripada bencana domestik dan

keilatan semasa menguruskan rumah tangga," katanya pada 28 September.

Dr Sathia Prakash turut bercadang menaja lebih ramai lagi suri rumah bawah skim tersebut pada masa akan datang.

"Untuk permulaan, kita taja 20 suri rumah dahulu, namun akan datang lebih ramai lagi terima manfaat. Saya menyeru ketua kampung dan ahli majlis sama-sama menyebarkan skim ini di komuniti masing-masing."

## Beri RM50,000 pampasan kediaman

**SHAH ALAM** - Lima keluarga setinggan di Jalan Broga, Semenyih menerima pampasan masing-masing bernilai RM50,000 untuk penempatan semula mereka bagi membantu penduduk terjejas membayar sewa rumah atau membeli rumah baharu.

Ahli Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) Zon 21 Ramachandran Arjenan berkata pemaju setuju beri pampasan RM50,000 kepada setiap keluarga dan penduduk

diberi masa untuk mengosongkan tanah itu selewat-lewatnya 19 November.

"Berdasarkan rancangan pembangunan oleh pemaju, kawasan setinggan ini memang akan terjejas jadi penduduk (setinggan) mahukan perumahan atau pampasan tunai untuk penempatan semula," katanya pada 26 September.

Beliau menambah pemaju turut memperuntuk RM15,000 kepada tiga kuil di situ sebagai ganti rugi untuk pe-

mindahan tempat ibadat yang dijangka turut terjejas.

"Penempatan semula itu perlu bagi memberi laluan kepada pemaju membina infrastruktur selaras dengan piawai dan keperluan MPKJ.

"Pemaju dikehendaki menyediakan kemudahan seperti jalan masuk, saliran dan utiliti lain seperti digariskan dalam kelulusan perancangan yang telah diberikan," katanya.

## Mohon bantuan pengajian IPT

**SHAH ALAM** - Beberapa bantuan pendidikan bawah Kerajaan Negeri dibuka sehingga hujung Oktober bagi meringankan beban pelajar melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT).

Antaranya pinjaman bawah Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor iaitu Pinjaman Boleh Ubah Dalam Negara dan Biasiswa Sagong Tasi sehingga 15 Oktober.

Bantuan pinjaman boleh ubah sesi kedua khas kepada anak Selangor yang melanjutkan pengajian peringkat diploma dan ijazah sarjana muda sepenuh masa di IPT diiktiraf kerajaan sekitar Selangor serta Kuala Lumpur.

Kesemua pinjaman berkenaan boleh dimohon menerusi pautan edanapendidikan.selangor.gov.my dan maklumat lanjut di laman sesawang danapendidikan.selangor.gov.my/

## RM20,000 belajar dron di sekolah

**KUALA LUMPUR** - Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menyalur RM20,000 bagi melaksanakan projek pembelajaran teknologi dron pada peringkat sekolah.

Ketua Yayasan MBI Ahmad Azri Zainal Nor memberitahu dana berkenaan untuk pembelian, latihan dan pembelajaran teknologi itu melibatkan empat sekolah sekitar Kajang serta Cheras.

Beliau memberitahu sekolah terlibat ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Jelok, SK Cheras Jaya, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jalan Reko dan SMK Bandar Seri Putra.

"Yayasan MBI ingin mendedahkan kepentingan dron pada masa kini yang berkembang ke sektor pekerjaan seperti penghantaran makanan dan aktiviti pertanian bukan hanya tujuan rekreasi sahaja," katanya pada 30 September.

## Penduduk manfaat saringan percuma

**HULU LANGAT** - Lebih 500 penduduk setempat mengunjungi Karnival Kesihatan Madani yang menawarkan pemeriksaan percuma bagi mengenal pasti tanda awal pelbagai penyakit di Semenyih pada 29 September.

Ahli Parlimen Bangi Syahredzan Johan memberitahu pengunjung turut berpeluang mengikuti pelbagai acara menarik antaranya pertandingan mewarna dan cabutan bertuah.

"Selain saringan kesihatan percuma, program tersebut turut menyediakan khidmat pemeriksaan gigi, telinga dan mata tanpa sebarang bayaran selain mengadakan pameran beberapa agensi kerajaan.

"Pusat Khidmat Parlimen Bangi dan Pejabat Penyelaras Dewan Undangan Negeri Sungai Ramal menyambut baik program anjuran Poliklinik An-Nur dan Majlis Perbandaran Kajang," katanya. Program itu dihadiri EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin.



## Penyertaan Piala Raja Muda diperluas

**SHAH ALAM** - Penganjuran kejohanan bola sepak bawah 12 tahun Piala Raja Muda Selangor 2024 yang sebelum ini hanya melibatkan sekolah dalam daerah Petaling diperluas ke seluruh negeri bagi mencungkil lebih ramai bakat baharu.

Pengerusi kejohanan Dato' Emran Kadir berkata langkah berkenaan turut mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, lapor Bernama.

"Saya telah mendapatkan restu Baginda untuk pasukan yang menyertai kejohanan ini dikembangkan seluruh Selangor, cara yang kita laksanakan sama seperti Piala Datuk Mokhtar Dahari di mana dari 10 daerah pendidikan mengemukakan 32 pasukan," katanya pada 1 Oktober.

Piala Raja Muda Selangor edisi ke-35 bermula 7 Oktober hingga 6 November melibatkan 32 pasukan yang berentap dalam lapan kumpulan.

## Tingkat promosi produk pelancongan

**SHAH ALAM** - Tourism Selangor mengganjalkan usaha mempromosi Tahun Melawat Selangor 2025 (TMS2025) di dalam dan luar negara sebelum akhir tahun ini, kata ketua pegawai eksekutifnya.

Menurut Azrul Shah Mohamad, pihaknya menggunakan semua platform termasuk iklan, digital dan media sosial sebagai pecutan terakhir bagi menonjolkan lokasi tarikan menarik serata negeri.

"Promosi dalam negara antaranya kita jemput semua vendor di Selangor untuk sertai Matta Fair. Seterusnya kita ada skuad kembara Pusing Selangor Dulu! di sekolah dan universiti.

"Diperingkat antrabangsa kita sertai Asean Tourism Forum Laos, International Tourism Exchange Berlin, Arabian Travel Market di Dubai dan Sales Mission China" katanya dalam program Hai Selangor pada 30 September.

## Bawa pernikahan luar negara ke mahkamah

**KLANG** - Isteri boleh membawa pernikahan di luar negara atau secara sindiket ke mahkamah syariah walaupun suami enggan atau tidak bersetuju, kata ketua hakim syarie negeri.

Dato' Mohammad Adib Husain berkata tindakan itu bagi memastikan hak isteri dibela kerana setiap perkahwinan mesti didaftarkan di Malaysia bagi memudahkan urusan.

"Pernah ada kes anak hendak berkahwin tetapi ayahnya tidak boleh mewalikannya kerana perkahwinan tidak berdaftar. Oleh itu, isteri boleh bawa kes ke mahkamah walaupun suami tidak mahu," katanya pada 1 Oktober.



**FOKUS...**  
Bekas juara dunia lightweight Ultimate Fighting Championship (UFC) Khabib Nurmagomedov ketika sesi bersama atlet sukan tempur di Majlis Sukan Negara, Kuala Lumpur pada 30 September. Jaguh Rusia tidak pernah tewas dalam 29 pertarungan sepanjang kariernya.  
Foto Facebook Adam Adli

## Daya tarikan pelancong

# Promosi makanan warisan daerah

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**

**HULU LANGAT** - Kerajaan Selangor disaran menyediakan sejumlah dana bagi melatih anak tempatan di seluruh daerah menyediakan juadah negeri, kata pakar makanan warisan Malaysia.

Menurut Prof Dr Muhammad Shahrim Karim, usaha berkenaan penting bagi mempromosi makanan warisan setempat kepada pelancong dari dalam dan luar negara.

"Setiap daerah ada makanan warisan setempat yang kita boleh diketengahkan. Jangan semua buat benda yang sama, contoh kalau nasi ambeng. Kalau semua buat, siapa nak pergi (beli).

"Kita ada sembilan daerah, maka kita ada sembilan makanan warisan. Kita keluarkan (buat promosi)," katanya selepas membentangkan kertas kerja di Seminar Gastronomi Melayu Kebangsaan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1 Oktober.

Berdasarkan pengalaman, penyeliidik makanan pelancongan itu berkata produk dari Sabak Bernam seperti bahu berinti jem nanas, aneka kerepek dan makanan eksotik boleh menarik ramai pelancong.

Justeru, gastronomis Universiti Putra Malaysia itu menyarankan bantuan pihak berkuasa tempatan untuk mempromosi juadah melalui siri jelajah di samping berusaha menaik taraf imej penia-

ga dan premis perniagaan mereka.

Pada masa sama, beliau yang juga perunding makanan dan minuman menasihatkan semua makanan direkod dan diceritakan ke dalam masyarakat supaya orang ramai khususnya pelancong mengetahuinya.

"Adakah promosi melalui jelajah makanan. Secara tidak langsung ia meningkatkan ekonomi penduduk setempat. Orang kampung ada gerai buruk tapi makanan mereka sedap.

"Jadi kita kena tingkat imej mereka dari sudut cara penyediaan, cara berpakaian. Jangan berada ditakuk lama. Tak menarik pelancong. Kalau tempat itu menarik tentu mereka akan pergi," katanya.

## Selesai 2,000 kes rumah tangga

**KLANG** - Sebanyak 2,434 daripada 9,072 tuntutan cerai secara 'fast track' diselesaikan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor setakat Ogos lalu, kata ketua hakim syarie negeri.

Menurut Dato' Mohammad Adib Husain, kaedah yang diperkenalkan sejak 2015 itu boleh dilaksanakan jika cukup syarat antaranya dokumen lengkap dan pasangan hadir ke mahkamah.

"Antara sebab tuntutan penceraian ialah tiada persefahaman dan masalah kewangan. Ada kes suami kerja baik

tetapi tidak mahu beri nafkah kerana isteri bekerja.

"Kes tuntutan nafkah meningkat sekiranya banyak tuntutan penceraian namun setakat ini 50 peratus daripadanya berjaya diselesaikan dalam proses sulh (perbincangan)," katanya dalam Seminar Kefahaman Undang-Undang Syariah Siri 6 Zon Klang pada 1 Ogos.

Beliau turut mencadangkan penubuhan institusi kaunseling bagi membantu mengurangkan kes penceraian.

Selain itu, Mohammad Adib berharap kerajaan mempertimbang menambah hakim mahkamah tinggi dalam usaha menyelesaikan kes tertunda.

"Setakat ini, kita ada lima mahkamah tinggi dan 22 mahkamah daerah. Jika boleh dipertimbang, kerajaan boleh menambah satu hakim bagi setiap mahkamah tinggi.

"Mahkamah rendah masih bertahan dan boleh berjalan tetapi untuk mahkamah tinggi mungkin boleh tambah sebab kes banyak," katanya.